

2030
PERAK
SEJAHTERA



Ekonomi
Digital
NEGERI PERAK

PELAN TINDAKAN EKONOMI DIGITAL NEGERI PERAK 2030

Versi Pertama; Disember 2024

© Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, 2024

Maklumat yang terdapat dalam dokumen ini adalah berdasarkan kajian desktop / literature oleh pihak perunding dan dapatan daripada sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan yang melibatkan 108 pihak yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta di peringkat persekutuan dan negeri, wakil industri, wakil pendidikan serta wakil NGO. Sesi ini merangkumi 28 temu bual secara bersemuka pada bulan Mei dan Jun 2023 serta empat (4) bengkel yang diadakan pada 21, 22, 28 dan 29 Ogos 2023.

Sebarang maklum balas dan pertanyaan mengenai dokumen ini hendaklah diajukan kepada:

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh
Perak Darul Ridzuan.

Dihasilkan dan direka letak oleh:



KANDUNGAN

1	KATA PENGANTAR:	
	YAB MENTERI BESAR PERAK	4
	YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK	6
	PENGERUSI JAWATANKUASA KOMUNIKASI MULTIMEDIA DAN NGO NEGERI PERAK	8
2	Pengenalan	10
3	LANDSKAP EKONOMI DIGITAL NEGERI PERAK	13
4	CABARAN DAN KEUTAMAAN MASA	22
5	PENJAJARAN DASAR PERSEKUTUAN NEGERI	27
6	RANGKA KERJA PELAN TINDAKAN EKONOMI DIGITAL NEGERI PERAK 2030	31
7	PROJEK PEMANGKIN	33
8	FASA PELAKSANAAN	36
9	PELAN TINDAKAN EKONOMI DIGITAL NEGERI PERAK 2030	39
	4 TERAS STRATEGIK - 8 STRATEGI DAN 21 PROGRAM	43
	TERAS STRATEGIK 1:	44
	Akses Kepada Infrastruktur Digital Berkualiti	

KANDUNGAN

	TERAS STRATEGIK 2: Pentadbiran Awam Cekap Digital	58
	TERAS STRATEGIK 3: Ekosistem Perniagaan Rancak Dipacu Pendigitalan	68
	TERAS STRATEGIK 4: Masyarakat Diperkasa Pendigitalan	78
10	STRUKTUR TADBIR URUS	104
11	ASPIRASI KE REALITI: SEDERAP MELANGKAH KE HADAPAN	107
12	SENARAI SINGKATAN	110

KATA PENGANTAR

YAB MENTERI BESAR PERAK

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 berjaya disiapkan. Pelan tindakan ini adalah satu penggerak penting dalam memastikan matlamat Perak Makmur, Rakyat Sejahtera dapat dicapai seiring dengan kemajuan pesat teknologi digital.

Pandemik COVID-19 telah membawa cabaran yang besar kepada ekonomi dan masyarakat global, namun pada masa yang sama ia juga mempercepatkan transformasi sektor-sektor utama, memaksa kita menyesuaikan diri dengan norma baharu. Ini merangkumi penerapan teknologi digital dalam operasi harian, perkhidmatan awam, serta kehidupan masyarakat secara menyeluruh. Negeri Perak tidak terkecuali dalam hal ini dan kita telah menyaksikan bagaimana ekonomi digital menjadi satu elemen kritikal dalam mengatasi cabaran yang dihadapi pasca-pandemik.

Selaras dengan pelan Perak Sejahtera 2030, garis masa pelan tindakan ini seiring dengan strategi Perak Sejahtera 2030 yang merupakan rancangan jangka panjang komprehensif bertujuan untuk mengoptimumkan kekuatan, sumber dan kesejahteraan negeri.



YAB DATO' SERI SAARANI BIN MOHAMAD

Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

Agenda Ekonomi Digital yang dirangka dalam pelan Perak Sejahtera 2030 diperkukuh melalui pembangunan pelan tindakan ini sebagai tindak balas strategik menghadapi era pendigitalan yang semakin pesat.

Pembangunan pelan tindakan ini merupakan satu usaha Kerajaan Negeri bersama pemegang taruh utama bagi memastikan negeri Perak berada di barisan hadapan dalam arus kemajuan digital, dengan komitmen untuk mencapai kemakmuran berpaksikan kesejahteraan rakyat.

Komitmen berterusan daripada semua pihak yang terdiri daripada sektor awam, swasta, industri dan masyarakat, visi dan matlamat yang digariskan dalam pelan tindakan ini sememangnya mampu direalisasikan.

Ekonomi digital bukanlah sekadar alat untuk pemulihan ekonomi, tetapi juga kunci kepada masa depan yang lebih cerah dan sejahtera. Perkara ini mampu dicapai dengan menetapkan kepentingan menjiwai keperluan pelanggan dan melakukan anjakan minda dengan mengubah *mindset* semua pihak berkepentingan agar semua yang dilakukan adalah untuk negeri Perak.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 ini. Marilah kita bersama-sama menjayakan pelan ini demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri Perak yang tercinta.

KATA PENGANTAR

YB SETIAUSAHA

KERAJAAN NEGERI PERAK

Transformasi digital telah membuka peluang baharu kepada Kerajaan Negeri dalam usaha memperkukuh pentadbiran, memacu pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan taraf kehidupan masyarakat. Pendigitalan kini bukan lagi sekadar mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan awam, malah mentransformasikan cara kerajaan berinteraksi dengan rakyat serta merangsang inovasi dalam pelbagai sektor.

Dalam usaha menghadapi cabaran yang datang bersama kemajuan teknologi, Kerajaan Negeri telah menjalankan analisis menyeluruh bagi mengenal pasti cabaran dan bidang penambahbaikan yang perlu diberi keutamaan dalam membentuk Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 ini.

Di peringkat pentadbiran Kerajaan Negeri, inisiatif mempercepatkan pendigitalan sememangnya diberikan keutamaan dan sedang dilaksanakan. Inisiatif ini mestilah bermula dengan penerapan minda *digital-first* dalam kalangan penjawat awam supaya inisiatif ini tidak hanya bertujuan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan kerajaan, tetapi juga memastikan seluruh rakyat Perak menikmati manfaat yang dibawa oleh teknologi digital.



YB DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Pelaksanaan sistem e-Kerajaan, peningkatan kesalinghubungan internet di seluruh negeri, dan pembangunan ekosistem bandar pintar adalah antara usaha yang sedang dipercepatkan dan diperkukuhkan.

Kerajaan Negeri Perak menyedari bahawa kejayaan pelan tindakan ini memerlukan sokongan dan penglibatan menyeluruh daripada semua pihak berkepentingan terutamanya, sektor swasta, industri, institusi pendidikan dan masyarakat. Oleh itu, kerjasama strategik antara kerajaan dan pihak swasta turut diberikan perhatian dan diperkembangkan untuk memastikan setiap program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

KATA PENGANTAR PENGURUS JAWATANKUASA KOMUNIKASI, MULTIMEDIA DAN NGO NEGERI PERAK

Menjelang tahun 2030, ekonomi digital dijangka memainkan peranan amat penting dalam pertumbuhan negeri Perak, dengan sumbangan dianggarkan antara RM2.0 bilion hingga RM4.2 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri. Transformasi digital ini dijangka mewujudkan antara 3,000 hingga 6,000 peluang pekerjaan baharu yang didorong oleh pembangunan sektor perkhidmatan digital serta peningkatan penembusan internet berkelajuan tinggi di seluruh negeri. Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 ini turut mensasarkan pendigitalan sekurang-kurangnya 18,000 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan memastikan sekurang-kurangnya 50% isi rumah di kawasan luar bandar mempunyai akses kepada Internet berkelajuan tinggi menjelang tahun 2028.

Pembentukan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 ini memperkukuh tekad Kerajaan Negeri untuk memanfaatkan peluang ekonomi digital, meningkatkan daya saing negeri Perak dan mengurangkan jurang digital, khususnya di kawasan luar bandar. Negeri Perak yang meliputi kawasan geografi yang luas dan kepelbagaian demografi berdepan dengan cabaran dan peluang yang agak unik, di mana tahap pembangunan ekonomi dan keperluan digital adalah berbeza antara masyarakat luar bandar, kawasan perbandaran kecil, dan pusat bandar raya seperti Ipoh.

Oleh itu, strategi pembangunan ekonomi digital di negeri ini dirancang secara menyeluruh dan disesuaikan mengikut keperluan unik setiap kawasan, bagi memastikan transformasi digital dapat dimanfaatkan secara inklusif dan seimbang.



YB ENCIK MOHD AZLAN HELMI BIN HELMI

Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi,
Multimedia dan NGO Negeri Perak

Sebagai contoh, pendekatan pembangunan bandar pintar dalam pelan tindakan ini tidak tertumpu kepada bandar-bandar sahaja, malahan sebarang teknologi, penyelesaian dan inisiatif adalah berpaksikan rakyat (Citizen-Centric) dalam menjadikan seluruh negeri Perak sebagai Negeri Pintar atau Smart State.

Melalui pelan tindakan ini, Perak akan memposisikan kedudukannya sebagai hab ekonomi digital yang progresif dengan memfokuskan empat (4) teras strategik, lapan (8) strategi dan 21 program yang akan dilaksanakan. Dengan tekad dan kerjasama semua pihak, Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 akan membuka lembaran baharu bagi negeri Perak dalam memperkukuh kedudukan negeri di persada ekonomi digital global, membawa kesejahteraan kepada rakyat dan memastikan semua pihak bergerak ke arah matlamat yang sama.

Bagi pihak Kerajaan Negeri Perak, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan yang telah memberikan sokongan, komitmen, dan kerjasama dalam menjayakan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030. Kepimpinan dan panduan strategik daripada YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad, serta usaha gigih agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, akademik, dan komuniti setempat telah menjadi pamacu utama kepada kejayaan pelan ini. Sokongan ini bukan sahaja mencerminkan semangat kolaborasi yang tinggi, tetapi juga memperkukuhkan usaha kita untuk merealisasikan visi Perak Sejahtera 2030, memastikan transformasi digital negeri ini membawa kemajuan inklusif dan kesejahteraan kepada seluruh rakyat.



PENGENALAN

Ekonomi digital memainkan peranan penting dalam memacu transformasi negara, khususnya dalam memperkuat daya saing dan pembangunan ekonomi. Pada dasarnya, ekonomi digital merujuk kepada pengeluaran dan penggunaan teknologi digital dalam pelbagai aspek sosioekonomi dan pentadbiran yang mempercepatkan proses pengumpulan, pemprosesan, dan analisis maklumat. Teknologi digital telah merevolusikan cara sektor-sektor utama beroperasi, sekali gus meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos, serta membolehkan inovasi yang lebih cepat dalam pengurusan sumber.

Di peringkat global, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mentakrifkan ekonomi digital sebagai aktiviti ekonomi yang dihasilkan melalui sambungan internet, termasuk perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), e-dagang, dan ekonomi platform. Definisi ini turut disokong oleh Bank Dunia, bahawa ekonomi digital melibatkan penerapan teknologi dalam pelbagai proses ekonomi dan sosial untuk menggalakkan pertumbuhan yang inklusif dan mampan.

Pandemik COVID-19 telah mendorong kerajaan di seluruh dunia melaksanakan dasar baharu ke arah transformasi digital bagi memanfaatkan potensi ekonomi digital. Peralihan global ke arah transformasi digital sejak Januari 2020 ini mengukuhkan kepentingan serta peranannya sebagai pemacu utama ekonomi.

Di Malaysia, ekonomi digital merangkumi aktiviti ekonomi yang bergantung kepada teknologi digital, termasuk pengeluaran, penggunaan, dan perkhidmatan yang dihasilkan melalui ICT.

Definisi di Malaysia ini sejajar dengan perspektif global, termasuk definisi Bank Dunia yang menekankan kepentingan penggunaan teknologi untuk membina pengetahuan dan kemahiran digital dalam kalangan masyarakat, perniagaan dan kerajaan.

Sementara itu, Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) memperluaskan definisi ekonomi digital dengan menekankan bahawa ekonomi ini melibatkan semua aktiviti ekonomi yang menggunakan ICT sebagai pemacu utama untuk meningkatkan produktiviti, inovasi, dan kesejahteraan sosial. Dengan kemajuan teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI), blockchain, dan analitik data raya (big data), ekonomi digital telah menjadi nadi kepada pertumbuhan sosioekonomi yang lebih berdaya tahan dan mampan, menyediakan asas yang kukuh bagi pembangunan jangka panjang negara-negara yang menerapkannya secara strategik. Ekonomi digital Malaysia terus berkembang pesat, dengan jangkaan sumbangan sektor ini kepada KDNK mencapai 25.5% menjelang 2025, berbanding 23.2% pada tahun 2023.

Bagi merealisasikan agenda Ekonomi Digital sebagai salah satu daripada agenda Perak Sejahtera 2030, Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 telah dibangunkan sebagai manifestasi iltizam Kerajaan Negeri untuk memacu ekonomi berasaskan teknologi digital. Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 ini merupakan dokumen yang menyokong Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) yang dilancarkan pada 19 Februari 2021. Pelan tindakan ini sejajar dengan agenda, rancangan dan dasar nasional sedia ada yang akan bertindak sebagai asas dan panduan untuk pembangunan ekonomi digital negeri Perak.

Dengan visi yang jelas untuk mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab, dan mampan melalui ekonomi digital menjelang tahun 2030, pelan tindakan ini bertujuan untuk menggariskan dan memperincikan usaha serta program/inisiatif pendigitalan yang sedang dan akan dilaksanakan sehingga tahun 2030.

Tumpuan diberikan kepada empat (4) teras strategik, lapan (8) strategi dan 21 program yang telah dirancang, merangkumi pelbagai aspek penting dalam memperkukuh ekosistem digital. yang akan dilaksanakan secara berfasa sehingga tahun 2030.



LANDSKAP EKONOMI DIGITAL NEGERI PERAK

Pada 15 Jun 2022, Kerajaan Negeri Perak telah melancarkan Perak Sejahtera 2030, sebuah pelan pembangunan komprehensif yang bertujuan menjadikan Perak sebuah negeri yang maju, berdaya saing dan mampan menjelang tahun 2030. Pelan ini dipacu oleh sembilan (9) agenda utama, termasuk agenda Ekonomi Digital, yang berperanan sebagai pemangkin transformasi digital. Ini selaras dengan keperluan negeri di samping mempersiapkan Perak menghadapi cabaran era digitalisasi yang semakin berkembang.

Pelan Perak Sejahtera 2030 turut menggariskan empat (4) cabaran perdana yang perlu diberi penekanan bagi melonjakkan pertumbuhan negeri ini, iaitu:

MIGRASI



- Negeri Perak berdepan dengan isu migrasi atau penghijrahan penduduk yang membimbangkan dengan aliran migrasi bersih negatif yang berterusan dari tahun 2011 hingga 2020.
- Pengurangan penduduk dan aliran migrasi negatif ini berpunca daripada faktor-faktor ekonomi, sosial, serta kebolehcapaian yang kurang menarik penduduk untuk kembali atau menetap di negeri ini.
- Pembangunan modal insan melalui pemerkasaan ekosistem perniagaan digital dan peningkatan infrastruktur digital merupakan langkah penting yang mampu menarik bakat tempatan serta mengurangkan penghijrahan tenaga kerja mahir ke luar negeri.

**KUMPULAN ISI
RUMAH
BERPENDAPATAN
40% TERENDAH
(B40)**



- Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), negeri Perak mencatatkan bilangan B40 tertinggi, iaitu 57.8 peratus daripada bilangan isi rumah di Perak dengan jumlah median pendapatan RM 4,111.90 pada tahun 2019.
- Keadaan ini menunjukkan wujudnya jurang ekonomi yang ketara dalam kalangan penduduk yang menyebabkan golongan B40 berdepan dengan keterbatasan akses kepada pendidikan digital, pembangunan kemahiran, dan peluang ekonomi berasaskan teknologi.
- Strategi digitalisasi terhadap ekonomi berasaskan digital perlu diwujudkan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah B40, khususnya melalui penyertaan dalam ekonomi gig, perniagaan e-dagang, dan perkhidmatan digital.

**MASYARAKAT
MENUA**



- Menurut DOSM, 30% warga emas di Perak masih produktif, manakala 70% tidak produktif dan memerlukan pelbagai bentuk sokongan dan penjagaan. Menjelang 2030, populasi warga emas dijangka mencapai 15.3% daripada jumlah penduduk, menunjukkan peningkatan ketara dalam kelompok ini.
- Penyelesaian masyarakat menua seperti perkhidmatan kesihatan digital dan pendidikan berasaskan digital adalah amat penting untuk meningkatkan kualiti dan akses warga emas supaya kekal aktif dalam ekonomi dan sosial, serta meningkatkan kesejahteraan mereka.
- Cabaran ini menuntut pendekatan yang lebih menyeluruh bagi menangani jurang digital dalam kalangan warga emas.

KETERSEDIAAN MENGHADAPI ERA PENDIGITALAN



- Pandemik COVID-19 menunjukkan keperluan kritikal untuk merapatkan jurang pendigitalan.
- Strategi untuk memastikan akses infrastruktur digital berkualiti, memperkukuh sistem pentadbiran awam digital, dan memupuk masyarakat celik digital menjadi keutamaan dalam membina keupayaan negeri dan masyarakat dalam menghadapi transformasi digital yang semakin berkembang.

Dalam menilai kedudukan semasa serta landskap ekonomi digital negeri Perak, beberapa aspek utama telah diteliti dalam membentuk Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030. Aspek-aspek ini dikenal pasti melalui perkhidmatan e-Kerajaan, pembangunan infrastruktur digital, komuniti digital, ekosistem perniagaan dan modal insan.



Perkhidmatan e-Kerajaan

Negeri Perak komited memperkukuh perkhidmatan e-Kerajaan bagi meningkatkan keberkesanan pentadbiran serta memudahkan interaksi rakyat dengan kerajaan. Beberapa rancangan peringkat persekutuan dan negeri menjadi panduan kepada pembangunan perkhidmatan e-Kerajaan negeri Perak. Kesemua pelan ini termasuklah:

- Kerangka Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 – 2025,;
- Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) 2022 – 2025 - SUK; dan
- Pelan Strategik (PS) 2021 – 2025 - SUK.

Kerajaan Negeri Perak telah membangunkan keupayaan digital yang signifikan melalui pelaksanaan pelbagai platform bahagian depan hadapan (front-end) yang memudahkan interaksi rakyat dan perkhidmatan perniagaan. Inisiatif-inisiatif pendigitalan seperti MyPATIL, Clicks@Perak, Park@Perak, Sistem Maklumat e-Tanah, e-Penghulu dan sebagainya ini bertujuan mempercepatkan transformasi digital di negeri Perak, dengan memberi tumpuan kepada inovasi teknologi dan peningkatan kecekapan pentadbiran

Dalam meneraju transformasi digital, Perak juga menjadi negeri pertama di Malaysia yang melaksanakan pendigitalan sepenuhnya bagi sistem pelesenan perniagaan melalui MyPATIL yang telah diterapkan di semua PBT mulai 2023. Selain itu, bandar raya Ipoh kini menjadi bandar kelima di negara ini selepas Kuala Lumpur, Putrajaya, Cyberjaya, dan Johor Bahru, serta yang pertama di wilayah Utara, dengan akses liputan 5G.



Pembangunan Infrastruktur Digital

Pembangunan infrastruktur digital merupakan tunjang utama kepada transformasi ekonomi digital negeri Perak. Program JENDELA dan inisiatif Point-of-Presence (PoP) yang dilaksanakan di peringkat persekutuan bertujuan memperluas dan memperkukuh infrastruktur telekomunikasi di seluruh negeri di Malaysia

1. Program Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA)

- Pembinaan menara telekomunikasi baharu di Perak kini giat dilaksanakan, dengan tumpuan khusus di kawasan luar bandar. Matlamat utama program ini adalah untuk menyediakan sambungan jalur lebar berkelajuan tinggi sehingga 100 Mbps menjelang tahun 2025.
- Bagi mencapai matlamat ini, proses kelulusan perlu diselaraskan dengan lebih efisien untuk mempercepatkan pembinaan menara telekomunikasi mudah alih, sekali gus memastikan akses digital yang inklusif dan menyeluruh kepada masyarakat luar bandar.
- Sejak pelaksanaannya, sebanyak 106 menara telekomunikasi baharu telah siap sehingga S4 2024, meningkatkan liputan mudah alih 4G di kawasan berpenduduk kepada 97.40% berbanding 94.71% sebelum program JENDELA dilaksanakan.
- Sehingga S4 2024, 503 tapak menara 5G disasarkan telah siap sejak tahun 2022. Ini membantu meningkatkan jangkauan liputan 5G di kawasan berpenduduk kepada 71.9%.

2. Inisiatif Point-of-Presence

- Inisiatif ini bertujuan untuk memperluas infrastruktur jalur lebar dan rangkaian dengan menubuhkan sebuah hab gentian optik di kawasan yang kurang capaian, khususnya di lokasi berhampiran sekolah dan kawasan berpenduduk.
- Sehingga tahun 2022, Perak mempunyai sejumlah 1,105 buah sekolah (852 sekolah rendah dan 253 sekolah menengah), dengan kira-kira 43.4% daripada sekolah tersebut berada dalam liputan inisiatif PoP.



Komuniti Digital

Sehingga 2024, sebanyak 90 pusat NADI telah ditubuhkan di Perak untuk menyediakan akses kepada internet, latihan IT, dan keusahawanan. Walau bagaimanapun, daerah seperti Kampar, Kerian, Manjung dan Perak Tengah masih memerlukan penambahan pusat-pusat ini untuk meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan digital.

Sebagai sebahagian daripada usaha pendigitalan komuniti, Majlis Bandaraya Ipoh telah melancarkan inisiatif Bandar Pintar yang merangkumi Smart Traffic Management with Analytics (STARS), Ipoh City Call Centre dan Pengawasan Keselamatan Awam. Model-model awal ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan bandar secara keseluruhan, dan memberikan manfaat kepada masyarakat. Namun, inisiatif ini terhad kepada kawasan geografi tertentu dan perluasan komponen-komponen strategik ke perbandaran kecil di seluruh negeri perlu diselaraskan dengan keperluan setiap daerah dan bandar.



Ekosistem Perniagaan

Bandar raya Ipoh berpotensi menjadi pusat industri perkhidmatan digital kerana lokasinya yang strategik, terletak kira-kira dua jam dari Lembah Klang dan Pulau Pinang. Ia sesuai sebagai pusat sandaran data atau *back-up data* dan pelbagai aktiviti berasaskan perkhidmatan digital.

Melalui program pendigitalan usahawan, seperti SMART Niaga@Perak, negeri Perak menyasarkan pendigitalan 18,000 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menjelang 2030 untuk membantu usahawan berkembang dan bersaing melalui penggunaan sistem atau platform e-dagang. Usahawan digital di Perak juga boleh menggunakan servis di Hub Inovasi dan Multimedia (HiM) yang disediakan oleh Digital Perak yang menawarkan ruang kongsi khusus untuk aktiviti keusahawanan digital.

Pembangunan infrastruktur dan ekosistem perniagaan yang kondusif serta sambungan internet berkualiti menjadi keperluan utama untuk mewujudkan persekitaran perniagaan berdaya saing, memacu pertumbuhan PKS, serta menarik pelaburan bagi mengukuhkan ekosistem ekonomi digital di Perak.



Modal Insan

Negeri Perak memiliki jumlah rangkaian institusi pendidikan yang tinggi, menyumbang kepada kadar pendaftaran institusi pendidikan tinggi sebanyak 79.6% pada tahun 2022. Namun begitu, kadar pengangguran graduan direkodkan pada tahap 11.2%, manakala penghijrahan tenaga mahir ke bandar-bandar utama di luar negeri terus menjadi isu yang memerlukan perhatian dan penyelesaian segera.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri memberi penekanan terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), sebagai salah satu agenda utama untuk memenuhi permintaan industri terhadap kemahiran teknikal yang bersesuaian dengan perkembangan digital.

Unit Perancangan dan Pembangunan Sukan Elektronik (SUKMA) Perak telah mewujudkan pasukan e-Sukan untuk mewakili negeri dalam SUKMA 2024 dengan tujuan membangunkan bakat baharu dalam e-Sukan sebagai kerjaya masa depan.

Selain itu, persepsi belia terhadap kerjaya digital yang sering terhad kepada pempengaruh media sosial perlu diperluaskan melalui program kesedaran kerjaya digital di sekolah. Inisiatif ini penting untuk memperkenalkan peluang kerjaya digital yang lebih pelbagai, memupuk minat generasi muda terhadap teknologi, dan melahirkan tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan.

CABARAN DAN KEUTAMAAN SEMASA



Perkembangan perkhidmatan digital di negeri Perak menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan penyelesaian strategik dan pendekatan yang menyeluruh. Beberapa **cabaran utama** yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

1 Jurang Digital Antara Bandar dan Luar Bandar

Pada tahun 2023, kadar penggunaan internet di kawasan bandar di negeri Perak adalah 96.4%, manakala di luar bandar adalah 91.2%. Walaupun kadar ini menunjukkan tahap kesalinghubungan yang agak baik, jurang 5.2% antara bandar dan luar bandar masih menjadi cabaran besar. Dari aspek penggunaan jalur lebar tetap, jurang lebih ketara dengan kadar capaian di kawasan bandar sebanyak 56.1%, berbanding hanya 45.1% di luar bandar, mencatatkan jurang sebanyak 11.0%. Selain itu, penggunaan jalur lebar mudah alih pula menunjukkan perbezaan dengan kadar capaian 97.4% di bandar berbanding 93.5% di luar bandar, dengan jurang sebanyak 3.9% (Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah, 2023). Walaupun perbezaannya lebih kecil berbanding jalur lebar tetap, ia tetap memerlukan usaha untuk meningkatkan infrastruktur dan keupayaan teknologi di kawasan luar bandar.

2 Kekurangan Infrastruktur Digital

Pembangunan infrastruktur digital yang tidak mencukupi merupakan cabaran besar di negeri ini. Masih terdapat kawasan-kawasan yang mengalami kelewatan dalam pemasangan gentian optik serta pembinaan menara telekomunikasi. Kualiti sambungan internet yang tidak stabil memberi kesan kepada penerimgunaan digital oleh masyarakat dan industri.

3 Kekurangan Tenaga Kerja Berkemahiran Tinggi dalam ICT

Negeri Perak menghadapi cabaran membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor ICT yang mengehadkan potensi pertumbuhan sektor digital, terutamanya dalam menarik pelaburan ke sektor-sektor teknologi tinggi seperti Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS). Masalah ini sering dikaitkan dengan kurangnya kerjasama yang strategik antara kerajaan negeri, institusi pendidikan, dan industri untuk membangunkan modal insan yang berkemahiran dan bersesuaian dengan keperluan digital masa kini.

4 Kekangan Pendigitalan Sektor Awam

Di sektor awam, pendigitalan perkhidmatan kerajaan menghadapi kekangan dalam bentuk proses birokrasi yang kompleks dan tahap integrasi teknologi yang rendah di antara agensi-agensi kerajaan. Walaupun terdapat usaha untuk mendigitalkan perkhidmatan kerajaan melalui inisiatif seperti Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam, proses pendigitalan masih tertumpu kepada proses bahagian depan (*front-end*) sahaja. Pelaksanaannya masih di peringkat awal dan memerlukan penambahbaikan dari segi keupayaan sistem dan keberkesanan pelaksanaan. Proses di bahagian belakang (*back-end*) masih beroperasi secara manual, yang menghalang kelancaran pentadbiran awam. Perkara ini menghalang kecekapan operasi kerajaan, tetapi juga mengehadkan pengalaman pengguna yang bergantung kepada perkhidmatan tersebut.

5 Penggunaan Teknologi Digital dalam Kalangan PKS

Walaupun terdapat kira-kira 88,000 usahawan PKS di Perak, hanya sebilangan kecil yang telah memanfaatkan teknologi digital. Faktor-faktor seperti kekangan kewangan, kemahiran teknologi yang rendah, dan kekurangan infrastruktur yang mencukupi menyumbang kepada tahap penggunaan teknologi yang rendah di kalangan PKS. Dalam hal ini, inisiatif seperti SMART Niaga@Perak dan program latihan untuk PKS perlu diperluaskan lagi bagi memastikan lebih ramai tenaga kerja tempatan dapat menyertai ekonomi digital.

Kesemua cabaran ini menuntut usaha bersepadu untuk memastikan ekonomi digital di negeri Perak tidak hanya menjadi agenda yang membangunkan ekonomi negeri, tetapi juga alat untuk memperkukuhkan kesejahteraan sosial, ekonomi, dan inklusif masyarakat secara menyeluruh. Berikut adalah **keutamaan semasa** yang dikenalpasti untuk menangani cabaran yang dihadapi dan memperkukuh ekonomi digital di negeri Perak:

1. Akses kepada Infrastruktur Digital Berkualiti

- Menyediakan strategi peningkatan internet bersasar untuk institusi pendidikan dan industri.
- Memanfaatkan teknologi satelit orbit rendah untuk menyediakan sambungan internet di kawasan terpencil.
- Mempercepat proses kelulusan pembinaan menara telekomunikasi di kawasan luar bandar.
- Menubuhkan pusat akses digital seperti perpustakaan digital dan NADI.
- Melaksanakan program kesedaran kerjaya digital dan latihan kemahiran di kalangan masyarakat.
- Memastikan keterangkuman digital untuk komuniti luar bandar dengan akses kepada program bantuan.
- Menyediakan akses pendidikan digital kepada semua lapisan masyarakat.

2. Pentadbiran Awam Cekap Digital

- Meningkatkan keupayaan kepimpinan digital dalam pentadbiran awam.
- Mewujudkan mekanisme penyelarasan perancangan digital rentas agensi dan jabatan.
- Memodenkan pentadbiran melalui pendigitalan sepenuhnya proses *back-end*.
- Menggalakkan komunikasi digital yang lebih efektif untuk melibatkan rakyat dalam proses pentadbiran.
- Mengintegrasikan data antara agensi kerajaan untuk meningkatkan kecekapan.

3. Ekosistem Perniagaan Rancak Dipacu Pendigitalan

- Menyediakan strategi pembangunan kluster industri digital yang jelas.
- Mempercepat pendigitalan PKS untuk meningkatkan daya saing.
- Mempercepat pendigitalan sektor utama seperti pertanian dan pelancongan.
- Mewujudkan pendekatan pelancongan digital untuk menarik lebih ramai pelancong.

4. Masyarakat Diperkasa Pendigitalan

- Melaksanakan penyelesaian bandar pintar di kawasan luar bandar dan bandar kecil.
- Menyediakan peluang pekerjaan kolar putih untuk menarik bakat tempatan.
- Meningkatkan kesedaran dan pengupayaan masyarakat terhadap digitalisasi.
- Mempercepatkan akses kepada peluang ekonomi digital melalui aktiviti keusahawanan.
- Memastikan peluang ekonomi digital diagihkan secara saksama di seluruh negeri



PENJAJARAN DASAR PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Beberapa dokumen perancangan dan dasar di peringkat persekutuan dan negeri telah dijadikan panduan dalam membentuk Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 ini, antaranya..



RMKe-12 adalah pelan pembangunan negara lima (5) tahun (2021-2025) yang memberikan hala tuju kepada pembangunan ekonomi, sosial, dan teknologi di Malaysia.

Pemangkin Dasar 2 – Mempercepat penerimgunaan teknologi dan inovasi

Bab 11 – Melonjakkan Pendigitalan dan Teknologi Termaju

Malaysia Madani adalah kerangka dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia untuk membina negara yang progresif, inklusif dan berdaya tahan.


Enam (6) nilai teras Malaysia MADANI:

1. Kemampanan
2. Kesejahteraan
3. Daya Cipta
4. Hormat
5. Keyakinan
6. Ihsan

Nilai Daya Cipta menekankan kepentingan pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia yang saling tidak terpisah dengan teknologi baharu atau evolusi digital.



Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) yang dilancarkan pada 2021 adalah dokumen komprehensif yang menggariskan usaha dalam mencapai aspirasi MyDIGITAL. Rangka tindakan ini menetapkan trajektori sumbangan ekonomi digital kepada ekonomi Malaysia dan membina asas untuk memacu pendigitalan di seluruh negara, termasuk dalam merapatkan jurang digital.





Perak Sejahtera 2030 merupakan pelan pembangunan negeri Perak yang menetapkan dasar-dasar strategik bagi menjadikan Perak sebagai sebuah negeri maju, berdaya saing dan mampan. Penjajaran pelan tindakan ini adalah berdasarkan agenda utama Perak Sejahtera 2030 iaitu:

- Ekonomi Digital
- Pembuatan Keputusan Berpacuan Data



Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Negeri Perak (2022 – 2025) ialah pelan yang menyokong perancangan strategik jabatan negeri dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti dan cekap, serta memenuhi keperluan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUK) dan matlamat pelanggan.



Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (2021 – 2025) yang diketuai oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), menggariskan keutamaan strategik negara dalam perkhidmatan e-Kerajaan.

Pelan ini memberi tumpuan kepada tujuh (7) teras strategik:

- Penggunaan kecerdasan data.
- Peneraju perkhidmatan digital inklusif dan bersepadu.
- Tadbir urus yang teliti dan cekap.
- Pemerkasaan dan pemantapan semula modal insan.
- Mengoptimumkan nilai perkhidmatan perkongsian yang terjamin.
- Penjenamaan, lanjutan promosi, dan pemupukan.
- Menyesuaikan kemunculan teknologi baharu yang berkaitan.

Pelan ini merangkumi empat (4) aspek strategik seperti berikut:

Pemerkasaan pendigitalan perkhidmatan Kerajaan Negeri yang inklusif dan bersepadu, Pengukuhan infrastruktur teknologi digital dan keselamatan ICT, Pengukuhan keupayaan digital secara menyeluruh, dan Pemerkasaan tadbir urus digital yang mampan.



Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 adalah dokumen perancangan jangka panjang yang menyediakan hala tuju pembangunan fizikal dan spatial di seluruh negeri Perak sehingga tahun 2040. Penjajaran adalah berdasarkan:

Strategi Pelaksanaan 6.2 (SP 6.2)

Membangunkan K-Ekonomi secara strategik dan bersepadu untuk menjana ekonomi yang lebih mantap dan berdaya maju.

Inisiatif Pelaksanaan 6.2.2: Menambah baik infrastruktur digital sebagai pemangkin untuk pembangunan K-Ekonomi untuk memudahkan capaian yang pantas dan kesediaan maklumat terkini.



Pelan Strategik (PS) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (2021-2025) merupakan pelan yang memandu hala tuju strategik kerajaan negeri secara keseluruhan.

Matlamat Strategik ketiga memberi tumpuan kepada transformasi sistem penyampaian digital Kerajaan Negeri.



Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2040 dirangka untuk memastikan bandar-bandar di negeri ini bersedia menghadapi cabaran perbandaran dan mencapai tahap yang setanding dengan bandar pintar di peringkat antarabangsa menjelang tahun 2040.

Tujuh (7) komponen utama yang menjadi teras dalam pelaksanaan bandar pintar:

1. Smart Digital Infrastructure (Infrastruktur Digital Pintar)
2. Smart Governance (Tadbir Urus Pintar)
3. Smart Economy (Ekonomi Pintar)
4. Smart People (Masyarakat Pintar)
5. Smart Environment (Alam Sekitar Pintar)
6. Smart Mobility (Mobiliti Pintar)
7. Smart Living (Kehidupan Pintar)



RANGKA KERJA PELAN TINDAKAN EKONOMI DIGITAL NEGERI PERAK 2030

VISI

Untuk mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mampan melalui ekonomi digital menjelang tahun 2030.


SASARAN MAKRO MENJELANG 2030

RM2.0 bilion hingga RM4.2 bilion kepada KDNK negeri Perak	3,004 hingga 6,085 peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan melalui sektor perkhidmatan digital	18,000 PKS akan didigitalkan sepenuhnya
---	---	---

MATLAMAT

Prestasi KDNK yang lebih tinggi	Penciptaan pekerjaan dan modal insan	Memaksimumkan industri berpotensi tinggi	Mengurangkan kemiskinan, jurang kekayaan dan ketidaksamaan pendapatan
---------------------------------	--------------------------------------	--	---

FOKUS SEKTOR

 Logistik	 Perdagangan Digital	 Pelancongan	 Pembuatan/ Industri 4.0	 Pertanian	 Perkhidmatan Digital
---	--	--	--	--	---

PEMBOLEH

Tabdir Urus Digital	Platform Digital	PKS, Inovasi Digital	Perkhidmatan Rakyat/ Komuniti Digital
Dasar Digital	Infrastruktur Digital	Kemahiran Digital	Sektor Digital



PROJEK PEMANGKIN

Lima (5) kelompok projek pemangkin yang dikenal pasti ini akan memperkukuh pelaksanaan program ekonomi digital dalam merealisasikan visi dan matlamat ekonomi digital negeri Perak, serta mencapai sasaran makro yang ditetapkan.



1 **Pembangunan Infrastruktur Digital**

Memberikan tumpuan kepada pembangunan infrastruktur digital berkualiti tinggi, meliputi akses internet berkelajuan tinggi yang menyeluruh dan inklusif di seluruh negeri. Infrastruktur ini dibangunkan untuk menyokong perkhidmatan perniagaan digital secara mampan serta mewujudkan ekosistem yang mesra bagi semua sektor ekonomi.

2 **Pusat Kecemerlangan Inovasi Digital (CoE)**

Menggalakkan inovasi dan meningkatkan produktiviti digital melalui penubuhan Pusat Kecemerlangan Inovasi Digital (CoE) dalam bidang seperti Realiti Terimbuh (Extended Reality). Pusat ini akan diselaraskan dengan sektor-sektor ekonomi utama di Perak bagi memperkukuh kedudukan negeri sebagai hab inovasi.

3 **Pemeriksaan Ekosistem Bayaran Tanpa Tunai**

Mendorong penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai secara meluas dalam kalangan masyarakat bagi mempertingkatkan kecekapan transaksi dan memastikan urusan niaga yang lebih pantas dan selamat.

4 **Pendigitalan Sektor Awam**

Mempercepatkan usaha pendigitalan dalam sektor awam dengan penekanan terhadap penyelarasan antara agensi, kepimpinan digital berwibawa, serta integrasi teknologi yang lancar dan menyeluruh. Pendekatan ini bertujuan mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam.

5 **Kluster Perkhidmatan Digital**

Memanfaatkan potensi Perak dalam perkhidmatan berasaskan pengetahuan dan teknologi melalui pendekatan holistik bagi menarik pelaburan dalam sektor Teknologi Maklumat dan Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS). Inisiatif ini akan membuka peluang pekerjaan berkualiti, khususnya untuk golongan belia, dengan memberi fokus kepada pembangunan pekerjaan kolar putih dan industri berkemahiran tinggi.

A background image featuring a close-up of two hands in business suits shaking hands. The image is heavily tinted with a warm, golden-yellow color. In the bottom right corner, there is a faint, white geometric network pattern consisting of interconnected lines and dots, resembling a molecular or digital structure.

FASA PELAKSANAAN

Ke arah visi mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab, dan mampan melalui ekonomi digital menjelang 2030, pelaksanaan pelan tindakan ini akan direalisasikan secara berperingkat melalui fasa-fasa berikut:

Fasa	Tempoh	Program
Fasa 1a	2022-2023	Pelan Hala Tuju Ekonomi Digital oleh PKNPk Memperkasa peranan Digital Perak untuk menerajui agenda ekonomi digital. Menyelaraskan pelancaran infrastruktur telekomunikasi di Perak dengan SKMM dan MBI.
Fasa 1b	2024-2025	ST1: S1 – P1: Menyegerakan penyediaan infrastruktur internet di kawasan luar bandar dan kurang mendapat liputan perkhidmatan. ST1: S1 – P2: Teknologi baharu muncul (<i>emerging technology</i>), penyelesaian lengkap dan pembiayaan bagi kawasan luar bandar dan kurang mendapat perkhidmatan. ST1: S1 – P3: Inisiatif bandar pintar seluruh negeri. ST1: S2 – P1: Penyediaan bangunan untuk mengembangkan (GBS) di Ipoh. ST2: S2 – P2: Memperomosi persekitaran kondusif untuk nomad digital. ST2: S1 – P1: Mekanisme penyelarasan untuk meningkatkan perancangan digital jangka panjang merentas kerajaan negeri dan tempatan. ST2: S1 – P2: Mempercepatkan perkhidmatan e-Kerajaan. ST2: S1 – P3: Pangkalan data bersepadu yang menyokong keusahawanan dan pendigitalan.

Fasa	Tempoh	Program
Fasa 1b	2024-2025	ST3: S1 – P1: Kerjasama Awam-Swasta (PPP) untuk menyampaikan penyelesaian digital berorientasikan PKS. ST3: S1 – P2: Penubuhan Pusat Kecemerlangan (CoE) digital di Perak. ST4: S1 – P3: Penyelarasan dan liputan pusat digital (NADI dan Perpustakaan Digital) ST4: S2 – P1: Pembelajaran dalam talian dan peningkatan kemahiran untuk warga bekerja. ST4: S2 – P2: Inisiatif kesedaran kerjaya digital yang didasarkan kepada murid sekolah.
Fasa 2	2026-2028	ST1: S1 – P4: Jalur lebar berkelajuan tinggi dan mampu milik untuk golongan B40. ST2: S2 – P1: Platform komunikasi digital yang berkesan. ST3: S1 – P3: Inisiatif keselamatan siber dan kesedaran digital. ST3: S2 – P1: Membangunkan industri perkhidmatan digital di Perak. ST4: S1 – P1: Pembayaran tanpa tunai di sekolah, universiti dan PMKS. ST4: S1-P2: Inisiatif Kampung Digital. ST4: S1 – P4: Kitar semula peranti digital untuk golongan B40.
Fasa 3	2029 dan seterusnya	ST4: S2 – P3: Kemahiran digital dan keterangkuman OKU.

The background of the image is a warm-toned photograph. In the upper right, a hand points towards a laptop screen. In the lower right, another hand holds a green pen, poised to write on a document. The document in the foreground features a bar chart and a pie chart. A network diagram, consisting of yellow nodes connected by thin lines, is overlaid on the bottom right corner of the image.

PELAN TINDAKAN EKONOMI DIGITAL NEGERI PERAK 2030

Akses kepada infrastruktur digital berkualiti

1

Meningkatkan akses kepada sambungan internet berkualiti tinggi dan memperkukuhkan ekosistem inovasi sebagai asas untuk pembangunan ekonomi dan sosial.

2 Strategi, 6 Program

Pentadbiran Awam Cekap Digital

2

Membangunkan pentadbiran awam yang cekap teknologi digital, dengan tumpuan utama untuk menggalakkan penggunaan digital yang inklusif dalam kalangan masyarakat.

2 Strategi, 4 Program

Ekosistem perniagaan rancak dipacu pendigitalan

3

Mewujudkan sebuah ekosistem digital yang teguh yang mengguna pakai penggunaan teknologi dan perkembangan perniagaan baharu secara digital.

2 Strategi, 4 Program

Masyarakat Diperkasa Pendigitalan

4

Membangunkan budaya penerimaan digital yang kukuh berasaskan literasi, penggunaan, dan pemilikan digital yang mantap dalam komuniti.

2 Strategi, 7 Program

PELAN TINDAKAN EKONOMI DIGITAL NEGERI PERAK 2030

4

Empat (4) teras strategik utama menjadi asas kepada pembangunan ekonomi digital negeri Perak.

8

Lapan (8) strategi yang lebih terperinci untuk memastikan hala tuju transformasi digital yang lebih berfokus.

21

21 program dirancang bagi melaksanakan setiap strategi secara efektif dan menyeluruh dalam mempercepatkan pertumbuhan ekonomi digital di Perak.

ST1: Akses kepada infrastruktur digital berkualiti		ST2: Pentadbiran Awam Cekap Digital		ST3: Ekosistem perniagaan rancak dipacu pendigitalan		ST4: Masyarakat Diperkasa Pendigitalan	
S1: Akses inklusif kepada infrastruktur digital	S2: Ketersediaan premis untuk pelaburan perniagaan digital	S1: Penyelarasan dan kepimpinan digital	S2: Penglibatan digital kerajaan-ke-warganegara yang interaktif	S1: Mempercepatkan pendigitalan perniagaan	S2: Mempercepatkan penubuhan perniagaan & keusahawanan digital	S1: Keterangkuman digital	S2: Kemahiran digital dan pembangunan kerjaya
P1: Menyegerakan (Fast tracking) pelaksanaan infrastruktur internet luar bandar/kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan	P1: Penyediaan Bangunan untuk menampung perkhidmatan digital / Perkhidmatan Perniagaan Global (<i>Global Business Services</i>)	P1: Mekanisme penyelarasan untuk meningkatkan perancangan digital jangka panjang merentas kerajaan negeri dan tempatan	P1: Platform komunikasi digital yang berkesan	P1: Kerjasama Awam Swasta untuk menyampaikan penyelesaian digital berorientasikan PKS	P1: Membangunkan industri Perkhidmatan Digital di Perak	P1: Pembayaran tanpa tunai untuk sekolah, universiti, dan PMKS	P1: Pembelajaran dalam talian dan program peningkatan kemahiran untuk orang yang bekerja
P2: Teknologi baharu muncul dan penyelesaian pelengkap serta pembiayaan untuk kawasan luar bandar dan yang kurang mendapat perkhidmatan	P2: Mempromosi persekitaran yang kondusif untuk Nomad Digital	P2: Mempercepatkan Perkhidmatan e-Kerajaan		P2: Kajian dan Penubuhan pusat kecemerlangan (CoE) digital di Perak		P2: Inisiatif "Perkampungan Digital" – pembangunan infra, kemahiran, ekonomi	P2: Inisiatif kesedaran kerjaya digital yang disasarkan kepada murid sekolah
P3: Inisiatif bandar pintar seluruh negeri		P3: Pangkalan data bersepadu berkenaan program bantuan yang menyokong keusahawanan dan pendigitalan		P3: Inisiatif keselamatan siber dan kesedaran digital		P3: Penyelarasan dan liputan pusat digital (NADI, PID, Perpustakaan Digital)	P3: Kemahiran digital dan keterangkuman orang kurang upaya
P4: Jalur lebar berkelajuan Tinggi dan mampu milik untuk masyarakat B40						P4: Penyelenggaraan peranti digital untuk komuniti B40	

The background of the image features a hand holding a glowing, textured globe. Surrounding the globe are several golden-yellow icons: a handshake, a bar chart with an upward arrow, a computer monitor displaying binary code, a shopping cart, a padlock, and a classical building. A network of lines and dots is overlaid on the entire scene, creating a digital or global theme. The text is centered over the globe in a large, bold, white font.

TERAS STRATEGIK, STRATEGI DAN PROGRAM



TERAS STRATEGIK

1

**Akses Kepada Infrastruktur
Digital Berkualitas**

1

Akses Kepada Infrastruktur Digital Berkualiti

Teras ini bertujuan untuk memperluas dan mempercepat penyediaan infrastruktur digital yang berkualiti tinggi di seluruh negeri Perak, terutamanya di kawasan luar bandar yang kurang mendapat liputan. Program di bawah teras strategi ini memfokuskan kebolehcapaian internet yang pantas dan inklusif untuk semua golongan, termasuk golongan B40, serta melaksanakan inisiatif bandar pintar. Matlamat utamanya adalah menyediakan ekosistem digital yang berdaya tahan yang mampu menyokong keperluan masa hadapan.



STRATEGI 1

Akses Inklusif Kepada Infrastruktur Digital

PROGRAM 1 (PROJEK PEMANGKIN)

Menyegerakan penyediaan infrastruktur internet di luar bandar/kawasan yang kurang mendapat liputan perkhidmatan

Latar Belakang

Pelaksanaan program JENDELA berdepan cabaran dalam mendapatkan hak pemasangan kabel gentian optik dan menubuhkan menara telekomunikasi. Ini menyebabkan kelewatan pelancaran di kawasan kurang liputan dalam menaik taraf infrastruktur telekomunikasi mudah alih yang memerlukan pemantauan dan penambahbaikan proses di peringkat negeri. Strategi alternatif seperti penjejakan pantas (*fast-tracking*) bagi kawasan keutamaan tinggi, termasuk sektor industri dan pendidikan dicadangkan untuk merapatkan jurang liputan internet, khususnya di kawasan luar bandar.

Ringkasan Program

- Perak Telecommunication Infrastructure System (PTIMS) sebagai pangkalan data sedia ada yang disepadukan dengan Pengurusan Permit Infrastruktur Komunikasi (CIPM) oleh SKMM akan diperkukuhkan dalam memantau pembangunan infrastruktur telekomunikasi, merancang struktur telekomunikasi baharu, serta memantau KPI bagi setiap rakan pelaksana yang terlibat sebagai Agensi Perkhidmatan Setempat (OSA).
- Plak Pengenalan Struktur yang ditempatkan di setiap tapak bertujuan memudahkan pemantauan aktiviti telekomunikasi haram dan menangani aduan alam sekitar.
- Peranan kumpulan kerja negeri di bawah program JENDELA diperkukuhkan bagi mempercepatkan pelaksanaan dan penyediaan infrastruktur internet khususnya di institusi pendidikan dan kawasan luar bandar.
- Kerjasama dan penyelarasan dengan agensi-agensi seperti JAKOA, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perhilitan diperluaskan untuk mempercepatkan proses kelulusan pelancaran infrastruktur internet.
- Inisiatif di peringkat persekutuan dimanfaatkan, khususnya yang digariskan dalam MyDIGITAL melalui inisiatif “Memperkenalkan pakej digital untuk memastikan semua sekolah di Malaysia mempunyai sambungan yang baik”.

STRATEGI 1

Akses Inklusif Kepada Infrastruktur Digital

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Penyelesaian isu keterhubungan internet dipercepatkan di kawasan luar bandar dan kurang mendapat liputan perkhidmatan.
- Sokongan terhadap pelaksanaan infrastruktur digital yang tepat pada masanya bagi mencapai sasaran inisiatif JENDELA yang ditetapkan menjelang tahun 2025.




Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: Digital Perak

Agensi Sokongan: UPEN, SKMM, BKT, PKNPk, NFP, PBT dan KPM.



STRATEGI 1


Akses Inklusif Kepada Infrastruktur Digital



PROGRAM 2 (PROJEK PEMANGKIN)

Teknologi baharu muncul (*emerging technology*), penyelesaian lengkap dan pembiayaan bagi kawasan luar bandar dan kurang mendapat perkhidmatan

Latar Belakang



Negeri Perak menghadapi cabaran menyediakan infrastruktur internet berkelajuan tinggi disebabkan penempatan penduduk yang berselerak, infrastruktur yang terhad dan isu hak tanah. Cabaran ini terbukti dalam penempatan menara telekomunikasi yang perlahan dengan hanya 29 daripada 478 sekolah dihubungkan pada 2023. Satelit *low earth orbit* (LEO) seperti teknologi Starlink dilihat sebagai penyelesaian yang sesuai dengan keperluan negeri, selaras dengan pengumuman nasional pada Ogos 2023. Penggunaan teknologi baharu perlu dipertimbangkan mengikut kesesuaian teknikal dan kemampuan kewangan untuk memastikan keterhubungan yang berkesan di kawasan tersebut.



Ringkasan Program

Program ini akan memberi tumpuan kepada mempercepatkan penerimgunaan teknologi baharu muncul bagi sambungan internet seperti satelit LEO dengan kerjasama dan penyelarasan SKMM.

- Membantu dalam pengenalpastian kawasan kurang mendapat perkhidmatan dengan kerjasama Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP).
- Menjalankan sesi makmal dengan pemain industri, pengguna akhir (end user) dan SKMM untuk menentukan dan membangunkan pembuktian konsep (proof of concept) teknologi yang berdaya maju dan boleh dilaksanakan.
- Pembuktian konsep juga harus mengenal pasti pilihan dan mekanisme pembiayaan yang sesuai dan mampu milik, termasuk USP Fund atau skim subsidi negeri.
- Memanfaatkan inisiatif SMART Forest untuk akses dan liputan internet di kawasan hutan bagi pelancongan dan rekreasi.

STRATEGI 1

Akses Inklusif Kepada Infrastruktur Digital

- Memanfaatkan inisiatif SMART Forest untuk akses dan liputan internet di kawasan hutan bagi pelancongan dan rekreasi.
- Bekerjasama dengan penyedia telekomunikasi untuk mempromosikan pilihan penggunaan penyelesaian internet baharu di kawasan luar bandar dan kurang mendapat perkhidmatan.
- Mengoptimumkan infrastruktur telekomunikasi sedia ada dengan mempertimbangkan pengewangan (*monetizing*) kemudahan telekomunikasi seperti menara telekomunikasi yang tidak digunakan.
- Inisiatif MyDIGITAL dimanfaatkan sebaiknya melalui inisiatif “Memperkenalkan pakej digital untuk memastikan semua sekolah di Malaysia mempunyai sambungan yang baik” untuk menangani keperluan penyediaan infrastruktur internet yang dipercayai di kawasan sekolah.

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Teknologi yang bersesuaian untuk melengkapkan inisiatif PoP bagi mencapai sasaran program JENDELA menjelang 2028.
- Pelaksanaan teknologi baharu muncul secara berperingkat, khususnya di kawasan luar bandar dan kurang mendapat perkhidmatan.
- 50% isi rumah luar bandar mempunyai akses kepada internet berkelajuan tinggi menjelang akhir tahun 2028.

Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: Digital Perak

Agensi Sokongan: SKMM, Kementerian Komunikasi & UPEN

STRATEGI 1

Akses Inklusif Kepada Infrastruktur Digital

PROGRAM 3 (PROJEK PEMANGKIN)

Inisiatif bandar pintar seluruh negeri

Latar Belakang

Pelaksanaan konsep bandar pintar pertama di Perak adalah di bandar raya Ipoh melalui Pelan Tindakan Bandar Pintar Ipoh 2020-2030. Pelan ini merangkumi pelancaran pelbagai penyelesaian bandar pintar berkaitan bidang keselamatan, pengurusan trafik, dan pusat panggilan dengan kerjasama sektor swasta, termasuk Telekom Malaysia. Fokus Malaysia terhadap pembangunan bandar pintar digariskan di bawah Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia oleh KPKT. Tumpuan utama ekonomi bandar pintar adalah di kawasan berkepadatan tinggi dengan aktiviti ekonomi yang lebih aktif. Namun, keseimbangan pentadbiran pintar antara bandar dan perbandaran yang lebih kecil adalah diperlukan bagi menggalakkan keterangkuman digital.

Ringkasan Program

- Pelan tindakan bandar pintar akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengelakkan pertindihan inisiatif dan usaha.
- Proses libat urus yang melibatkan semua pihak berkepentingan seperti PBT, rakan kongsi teknologi sektor swasta dan komuniti tempatan dilaksanakan bagi mengenal pasti bandar-bandar yang sesuai dengan pelaksanaan penyelesaian bandar pintar yang memenuhi keperluan setempat.
- Pelaksanaan program melalui PPP akan dipertingkatkan dengan tumpuan kepada strategi pemulihan kos.
- Digital Perak berperanan dalam menyokong pelaksanaan program ini.

STRATEGI 1

Akses Inklusif Kepada Infrastruktur Digital

Sasaran Keberhasilan (Outcome)



- Bandar atau kampung yang disasar bagi bandar pintar dikenal pasti secara berperingkat.
- Pembangunan pelan perbandaran pintar yang menggariskan penyelesaian dan belanjawan bagi setiap berbandaran yang lebih kecil di setiap daerah.
- Sekurang-kurangnya satu PPP dengan penyedia penyelesaian bandar pintar akan dikenal pasti.

Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: PBT

Agensi Sokongan: PLANMalaysia, Digital Perak, MBI, BKT dan SKMM



STRATEGI 1

Akses Inklusif Kepada Infrastruktur Digital

PROGRAM 4

Jalur lebar berkelajuan tinggi dan mampu milik untuk golongan B40

Latar Belakang

Program ini bertujuan memastikan keterangkuman digital melalui penyediaan jalur lebar berkelajuan tinggi dan mampu milik bagi golongan B40 di Perak. Sebanyak 82.2% individu B40 berpendapatan bawah RM1,000 mempunyai langganan internet, namun kemampuan untuk terus melanggan kekal menjadi cabaran bagi golongan ini. Malah, tawaran internet mampu milik terutamanya bagi golongan miskin tegar perlu dipertimbangkan. Penyedia perkhidmatan seperti Maxis dan Allo Tech menawarkan Pakej Rahmah pada kadar mampu milik (30Mbps pada RM69/bulan), dengan subsidi tambahan disediakan berdasarkan model seperti SISM40 di Selangor.

Ringkasan Program

Pakej Akses Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi dan Mampu Milik melalui PPP dan Inisiatif Kerajaan Persekutuan

- Bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan untuk memperkenalkan pakej jalur lebar mampu milik berasaskan keperluan golongan B40 dengan kadar yang berpatutan mengikut pendapatan dan saiz isi rumah.
- Penyelarasan bayaran dan pakej jalur lebar untuk keluarga besar berdasarkan saiz isi rumah, kadar penggunaan dan keperluan khusus, seperti pelajar dan individu bekerja dari rumah (WFH).
- Diskaun tambahan diberikan kepada golongan terdedah seperti ibu bapa tunggal, melalui subsidi atau pelan pembayaran fleksibel seperti ansuran bulanan.

Pengenalan Pilihan Pembayaran Alternatif dan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi

- Memperkenalkan kaedah pembayaran fleksibel yang membolehkan individu mendapatkan akses jalur lebar dengan menyertai inisiatif sosial dan program khidmat masyarakat.
- Golongan B40 berkemahiran teknologi boleh menyertai aktiviti sukarelawan, seperti memberi bimbingan IT kepada warga emas dan masyarakat. Kredit untuk jalur lebar bersubsidi atau percuma akan ditawarkan kepada mereka.

STRATEGI 1

Akses Inklusif Kepada Infrastruktur Digital

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Pelaksanaan program jalur lebar berdiskaun dengan pilihan pembayaran alternatif untuk meningkatkan kemampuan memiliki pakej jalur lebar peringkat persekutuan bagi golongan B40 di Perak.
- Penerima subsidi jalur lebar dengan keutamaan kepada isi rumah berpendapatan rendah akan dikenal pasti menjelang 2028.

Garis Masa

Fasa 2

Pemegang Taruh

Agensi Utama: Digital Perak

Agensi Sokongan: Telco/Service Providers, SKMM dan UPEN



STRATEGI 2

Ketersediaan Premis Untuk Pelaburan Perniagaan Digital

PROGRAM 1

Penyediaan bangunan untuk mengembangkan GBS di Ipoh

Latar Belakang

Program ini bertujuan untuk menyediakan bangunan pejabat yang direka khusus bagi menyokong pertumbuhan dan inovasi perkhidmatan digital dan operasi GBS di Ipoh. Bangunan ini akan menyediakan infrastruktur dan persekitaran kerja yang diperlukan dalam perniagaan digital seperti kemudahan teknikal, ruang kolaboratif dan piawaian industri yang tinggi. Tujuannya adalah untuk menarik tenaga kerja berkemahiran serta memastikan ekosistem kerja yang selesa, produktif dan mesra teknologi, bersesuaian dengan landskap digital yang berubah-ubah. Antara cabaran utama menarik pelaburan GBS di Ipoh adalah kurangnya ruang pejabat yang sesuai di lokasi strategik untuk menarik golongan muda. Pejabat tersebut juga memerlukan sambungan internet yang stabil dan bekalan kuasa sokongan (back-up) untuk memastikan kelancaran operasi.

Ringkasan Program

Perancangan Infrastruktur Strategik

- Memilih lokasi strategik bagi kemudahan GBS yang berdekatan pusat perniagaan dan mempunyai potensi permintaan tinggi.
- Bekerjasama dengan PBT dan agensi (pemilik bangunan dan pemilik tanah) untuk memastikan ketersediaan infrastruktur dan utiliti utama di lokasi yang dikenal pasti seperti Wisma Maju Perak, Wisma Bougainvillea Kompleks Megoplex, PTTC, SVTP, dan AEON Falim.

Penglibatan Pihak Berkepentingan

- Mewujudkan platform kerjasama yang melibatkan pemimpin industri, agensi kerajaan, dan pihak berkepentingan yang relevan untuk mengenal pasti kawasan keutamaan yang utama bagi pembangunan ruang pejabat GBS.

Pemodenan melalui Pengubahsuaian

- Mengubah suai ruang pejabat sedia ada atau membina kemudahan GBS yang khusus dan memenuhi keperluan GBS moden.
- Pemberian insentif seperti kadar sewa diskaun untuk ruang pejabat GBS oleh Kerajaan Negeri.

STRATEGI 2

Ketersediaan Premis Untuk Pelaburan Perniagaan Digital

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Penyediaan ruang pejabat dan perkhidmatan digital secara berperingkat yang memenuhi keperluan GBS di pusat bandar Ipoh serta dilengkapi dengan sambungan internet yang boleh dipercayai menjelang 2028.



Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: PKNPk

Agensi Sokongan: Digital Perak, MDEC, NCER, MBI, PORT, InvestPerak, Maju Perak, GBS Malaysia Council dan Pemain Industri



STRATEGI 2

Ketersediaan Premis Untuk Pelaburan Perniagaan Digital

PROGRAM 2

Mempromosi persekitaran yang kondusif untuk Nomad Digital

Latar Belakang

Program DE Rantau bertujuan menjadikan Malaysia sebagai hab utama nomad digital di ASEAN, selaras dengan trend kerja jarak jauh global. Kira-kira 62 juta nomad digital di seluruh dunia dan Asia Tenggara kini menjadi rantau paling popular untuk gaya hidup ini. Program ini bertujuan untuk memupuk penggunaan digital, mobiliti profesional dan pelancongan melalui ekosistem yang mesra untuk bakat tempatan dan nomad asing. MDEC telah menyediakan sambungan jalur lebar yang stabil dan perkhidmatan terpilih untuk menyokong nomad digital. Program ini merangkumi pengenalan pas nomad digital penyediaan hab tersedia untuk meningkatkan pengalaman nomad digital secara menyeluruh di Malaysia. DE Rantau dijangka memberi impak positif kepada ekonomi, memupuk perkongsian pengetahuan dalam kalangan nomad tempatan dan asing, serta membina komuniti yang dinamik.

Ringkasan Program

- Matlamat utama Perak adalah melaksanakan inisiatif DE Rantau yang diterajui oleh MDEC dengan lancar di negeri ini, dengan sokongan penuh daripada pihak berkepentingan.
- Usaha ke arah menyokong program ini adalah melalui penglibatan dalam sesi perancangan kolaboratif, peningkatan infrastruktur digital, penyediaan persekitaran kerja yang kondusif, pelaksanaan program jangkauan komuniti, dan penyediaan mekanisme maklum balas yang berkesan.

STRATEGI 2

Ketersediaan Premis Untuk Pelaburan Perniagaan Digital

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Peningkatkan jumlah hab DE Rantau di Perak daripada 35 kepada 100 hab melalui penambahan 65 hab baharu secara berperingkat.
- Penambahan 30 hab tambahan menjelang tahun 2025 dan 35 hab lagi menjelang tahun 2028.




Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: Digital Perak

Agensi Sokongan: UPEN, MDEC dan Tourism Perak





TERAS STRATEGIK

2

**Pentadbiran Awam
Cekap Digital**

2

Pentadbiran Awam Cekap Digital

Teras ini memberi tumpuan kepada mempercepatkan pendigitalan perkhidmatan kerajaan negeri Perak melalui penerimgunaan teknologi yang efisien, termasuk memperkenalkan e-Kerajaan dan perkhidmatan digital merentas semua agensi. Pendekatan ini akan meningkatkan kecekapan pentadbiran awam dengan mengintegrasikan perkhidmatan secara *end-to-end*, memperkenalkan peranan kepimpinan digital di setiap agensi, serta membina mekanisme komunikasi digital yang lebih interaktif antara kerajaan dan rakyat.



Seminar
**ASPIRASI
PENDIGITALAN
NEGERI PERAK
2024**

STRATEGI 1

Penyelarasan Dan Kepimpinan Digital



PROGRAM 1

Mekanisme penyelarasan untuk meningkatkan perancangan digital jangka panjang merentas kerajaan negeri dan tempatan

Latar Belakang



Untuk meningkatkan e-Kerajaan di Perak, kepimpinan digital yang dipertingkatkan dan kerjasama yang diselaraskan adalah penting dengan mengambil kira pelbagai peranan PBT dan kerajaan negeri. Kerjasama dan penyelarasan yang padu adalah perlu untuk membawa semua pihak berkepentingan bersama-sama dalam merancang dan melaksanakan inisiatif digital dengan berkesan, beralih daripada membuat keputusan unilateral.



Ringkasan Program

Kumpulan Kerja Kolaboratif

- Pembentukan kumpulan kerja yang melibatkan BPSM, SUK dan pihak berkepentingan Kerajaan Negeri.
- Fungsinya adalah sebagai titik hubungan utama yang menghubungkan peringkat pihak berkuasa yang berbeza untuk perancangan dan pelaksanaan kolektif inisiatif e-Kerajaan.
- Keperluan penyelarasan yang antara agensi yang terlibat dalam transformasi digital akan dilaksanakan.

Peranan Pegawai Digital

- Melalui galakan untuk menerima pakai model inisiatif Digital Accelerator dalam MyDIGITAL, peranan pegawai yang berdedikasi dan pakar secara dalaman dalam setiap agensi perlu diwujudkan untuk meningkatkan penggunaan teknologi digital demi meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

Penglibatan Pihak Berkepentingan

- Mendapatkan pandangan dan maklum balas orang awam mengenai dasar dan inisiatif digital.
- Mengutamakan ketelusan dan keterbukaan dalam proses membuat keputusan berkaitan dengan transformasi digital.

STRATEGI 1

Penyelarasan Dan Kepimpinan Digital

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Perancangan secara suku tahunan yang tetap dan perbincangan kumpulan kerja di seluruh kerajaan negeri dan tempatan.
- Menyokong penciptaan peranan kepimpinan digital yang berdedikasi.



Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: BPSM, SUK

Agensi Sokongan: UPEN, BKT dan agensi-agensi negeri



STRATEGI 1

Penyelarasan Dan Kepimpinan Digital

PROGRAM 2 (PROJEK PEMANGKIN)

Mempercepatkan perkhidmatan e-Kerajaan

Latar Belakang

Perkhidmatan e-Kerajaan memainkan peranan penting dalam meningkatkan akses dan memudahkan operasi kerajaan kepada rakyat. Negeri Perak telah memulakan inisiatif e-Kerajaan melalui Portal Perak Digital 2.0 dan platform Single Sign-On (SSO), dengan pelbagai perkhidmatan digital seperti e-Staffing, e-Internship, e-Sijil Halal, S.M.A.R.T Niaga, dan e-Dana. Namun, kebanyakan perkhidmatan kerajaan masih beroperasi secara manual dan tidak terintegrasi sepenuhnya. Program ini bertujuan mempercepatkan pendigitalan, memastikan perkhidmatan lebih cekap, responsif, dan mesra pengguna, sekaligus mengurangkan beban proses manual serta memacu ke arah pentadbiran berpusatkan rakyat.

Ringkasan Program

- Portal Perak Digital 2.0: berfungsi sebagai platform utama untuk mengakses perkhidmatan kerajaan secara digital. Portal ini menyediakan ciri Single Sign-On (SSO) yang memudahkan pengguna mengakses pelbagai perkhidmatan dengan satu log masuk.
- Beberapa perkhidmatan utama telah diperkenalkan melalui platform ini, termasuk:
 - a) e-Staffing: Permohonan kerja dalam talian.
 - b) e-Internship: Permohonan program latihan amali secara dalam talian.
 - c) e-Sijil Halal: Proses pensijilan halal yang dilaksanakan secara atas talian.
 - d) SMART Niaga @ Perak: Direktori produk tempatan Perak.
 - e) e-Tempahan: Aplikasi tempahan pelbagai kemudahan
- Penerimgunaan strategi pendigital di semua perkhidmatan, dengan memberi keutamaan kepada jabatan dan agensi yang belum melaksanakan pendigitalan.
- Bekerjasama dengan rakan teknologi untuk memastikan pemprosesan e-Kerajaan yang betul, mengelakkan kerja manual dan mengurangkan kesilapan.
- Penerimgunaan kaedah single sign-on (SSO) di setiap agensi sektor awam.
- Pelaksanaan dasar peringkat negeri mengenai penerimaan tandatangan elektronik bagi transaksi perniagaan yang lancar

STRATEGI 1

Penyelarasan Dan Kepimpinan Digital

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Meningkatkan bilangan perkhidmatan e-Kerajaan yang memudahkan orang ramai. Sasaran 100% pendigitalan sektor awam hujung ke hujung menjelang akhir tahun 2030
- Program ini akan diteruskan sehingga semua perkhidmatan kerajaan didigitalkan.




Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: SUK-BPM

Agensi Sokongan: MAMPU, Digital Perak, PKNPk & MIMOS



STRATEGI 1

Penyelarasan Dan Kepimpinan Digital

PROGRAM 3

Pangkalan data bersepadu program bantuan yang menyokong keusahawanan & pendigitalan

Latar Belakang

Program ini bertujuan menangani cabaran dalam bantuan keusahawanan dengan menyediakan sistem data berpusat yang standard dan telus tanpa campur tangan manual. Pangkalan data ini membantu mengelakkan pertindihan program, meningkatkan ketelusan, dan memudahkan pemantauan serta pelaksanaan inisiatif berdasarkan status penerima bantuan. Inisitif SME D-Base ditubuhkan untuk menyusun dan mengkategorikan maklumat PKS dan usahawan yang berdaftar sebagai rujukan utama dalam perancangan pembangunan kapasiti. Ketika ini, program tersebut sedang berjalan dengan sasaran mencapai 88,000 usahawan berdaftar. Walaupun integrasi data masa nyata masih berhadapan kekangan regulasi perkongsian data, platform ini bakal memainkan peranan penting dalam memperkukuh penyelarasan bantuan dan sokongan keusahawanan di masa hadapan.

Ringkasan Program

- Menyelaras dengan penyedia bantuan pembangunan keusahawanan utama untuk mendapatkan akses dan kebenaran kepada perkongsian data jangka masa panjang yang berkaitan dengan maklumat mengenai usahawan dan bantuan yang diterima. Pembekal data utama termasuk MARA, TEKUN, NCIA, SSM dan AIM.
- Bekerjasama dengan MAMPU untuk menggunakan platform (MyGDX) sebagai saluran selamat untuk perkongsian data jangka masa panjang daripada penyedia data utama program bantuan keselamatan sosial.
- Memperkenalkan keupayaan ramalan dan kecerdasan buatan dalam sistem untuk meningkatkan kecekapan.

STRATEGI 1

Penyelarasan Dan Kepimpinan Digital

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- 88,000 usahawan berdaftar pada sistem D-Base PKS dengan 20% (18,000) didigitalkan menjelang tahun 2030.
- Mempercepatkan penyepaduan pangkalan data back-end masa nyata dalam jangka panjang



Garis Masa

Fasa 2

Pemegang Taruh

Agensi Utama: STeP and Digital Perak

Agensi Sokongan: PKNPpk



STRATEGI 2

Penglibatan Digital Kerajaan Kepada Rakyat (G2C) Yang Interaktif

PROGRAM 1

Platform komunikasi digital yang berkesan

Latar Belakang

Program ini bertujuan meningkatkan komunikasi dan responsif kerajaan melalui platform berasaskan web dan aplikasi mudah alih digitak. Antara contoh platform komunikasi kerajaan dan dengan rakyat termasuklah penggunaan chatbots dan komunikasi berasaskan e-mel seperti Danish National Digital Post dan chatbot Arkansas, serta *Online Access Act of Germany* yang menunjukkan betapa pentingnya pendekatan komunikasi yang lebih mesra pengguna dan berasaskan digital. Saluran komunikasi langsung ini dilihat penting dalam meningkatkan kepercayaan rakyat dan memupuk hubungan yang lebih positif dengan kerajaan.

Ringkasan Program

- Pelaksanaan libat urus dengan agensi di peringkat persekutuan untuk memastikan sempadan undang-undang dan perlindungan wujud dalam saluran komunikasi G2C.
- Koordinasi dalam kalangan agensi negeri melalui mekanisme yang dicipta dalam ST2:S1: P1: untuk merancang pelaksanaan digital di Fasa 3 dan merancang fungsi penglibatan G2C secara langsung.
- Pembentukan satu platform komunikasi tunggal bagi pertanyaan berkaitan perkhidmatan kerajaan.
- Pelaksanaan platform komunikasi di seluruh negeri bagi memastikan penyelesaian digital di setiap peringkat diselaraskan, serta memanfaatkan platform sedia ada seperti Clicks@Perak kepada penyelesaian digital peringkat persekutuan yang tersedia.

STRATEGI 2

Penglibatan Digital Kerajaan Kepada Rakyat (G2C) Yang Interaktif

Sasaran Keberhasilan (Outcome)



- Memperkenalkan fungsi *live-chat* merentas jabatan dan agensi kerajaan.
- Semua perkhidmatan e-Kerajaan mempunyai platform komunikasi *live-chat* menjelang 2028.
- Ujian awal sistem *chatbot* dibantu AI untuk platform e-Kerajaan yang terpilih sebelum pelancaran di seluruh negeri.
- Pembentukan satu platform komunikasi tunggal untuk semua pertanyaan berkaitan perkhidmatan kerajaan menjelang 2030.


Garis Masa

Fasa 2

Pemegang Taruh

Agensi Utama: SUK-KORPORAT

Agensi Sokongan: Digital Perak, JPA, MAMPU, KPKT, SKMM





TERAS STRATEGIK

3

**Ekosistem Perniagaan Rancak
Dipacu Pendigitalan**

3

Ekosistem Perniagaan Rancak Dipacu Pendigitalan

Teras ini bertujuan mempercepatkan transformasi digital dalam sektor perniagaan di Perak, dengan memberi tumpuan kepada pembangunan PKS, perusahaan mikro, dan pelaburan dalam perkhidmatan digital. Melalui inisiatif seperti pembangunan Pusat Kecemerlangan (CoE) Digital dan usaha memperluas Kerjasama Awam-Swasta (PPP), pelan ini akan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi perniagaan untuk menerapkan teknologi digital. Penekanan terhadap kepentingan keselamatan siber dan membina kemahiran digital juga digariskan dalam memastikan daya tahan perniagaan di era pendigitalan.



STRATEGI 1

Mempercepatkan Pendigitalan Sektor Perniagaan



PROGRAM 1

Kerjasama Awam-Swasta (PPP) untuk menyampaikan penyelesaian digital berorientasikan PKS

Latar Belakang



Kira-kira 88,000 usahawan yang berdaftar di pangkalan data D PKS Perak, namun hanya sekitar 4,000 PKS memberikan maklumat lengkap. Kekangan sumber sering kali menjadi penghalang kepada pertumbuhan mampan PKS, terutama jika dibandingkan dengan perusahaan lebih besar. Program ini dirangka untuk merapatkan jurang antara inisiatif kerajaan dan kepakaran sektor swasta melalui kerjasama strategik. Tujuannya adalah untuk memperlengkapkan PKS dengan alat, infrastruktur, dan pengetahuan yang diperlukan, memupuk inovasi, mencipta peluang pekerjaan, serta menyokong pertumbuhan ekonomi.



Ringkasan Program

- Mewujudkan platform kerjasama di Perak dengan pihak berkepentingan utama seperti Digital Perak, STeP, NADI dan HiM. Platform ini akan memudahkan perkongsian pengetahuan dan menghimpunkan perusahaan besar dan PKS untuk membangun dan mengguna pakai penyelesaian pintar yang kos efektif dan disesuaikan dengan keperluan khusus PKS.
- Bekerjasama dengan pihak berkepentingan seperti MIDA dan MDEC untuk meningkatkan kesedaran tentang geran dan insentif untuk PKS tempatan dan mempromosikan penggunaan digital.
- Menggalakkan PKS memanfaatkan inisiatif sedia ada seperti Geran Pendigitalan PKS dan Dana Transformasi Teknologi PKS (STTF) untuk melabur dalam penyelesaian digital
- Bekerjasama dengan STeP untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan ICT dalam kalangan PKS, menyediakan sokongan bagi meningkatkan tahap kematangan digital, serta mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan.

STRATEGI 1

Mempercepatkan Pendigitalan Sektor Perniagaan

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Mengenal pasti penyedia penyelesaian digital untuk PKS, terutama dalam sektor pertanian, pembuatan, dan perdagangan peruncitan.
- Sasaran pendigitalan 18,000 PKS menjelang 2030.



Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: Digital Perak

Agensi Sokongan: UPEN, PKNPk, Invest Perak, STeP, MDEC dan PPWNP



STRATEGI 1

Mempercepatkan Pendigitalan Sektor Perniagaan

PROGRAM 2 (PROJEK PEMANGKIN)

Penubuhan Pusat Kecemerlangan (CoE) Digital di Perak

Latar Belakang

Penubuhan Pusat Kecemerlangan (CoE) digital di Perak bertujuan meneroka potensi teknologi seperti Extended Reality (XR) dan kecerdasan buatan (AI) dalam sektor pelancongan, pembuatan, kesihatan, dan multimedia kreatif. Program ini sejajar dengan keutamaan ekonomi negeri, termasuk pembangunan Koridor Pendidikan TVET serta pusat teknologi tinggi seperti SVTP, AHTV, dan LuMIC. Pusat Kecemerlangan (CoE) ini akan berfungsi sebagai hab inovasi yang menyepadukan kepakaran, sumber dan teknologi dengan aktiviti ekonomi tempatan, di samping menggalakkan kolaborasi strategik antara penyelidik, industri, dan institusi pendidikan.

Ringkasan Program

- Memulakan program perintis untuk membangunkan konsep Pusat Kecemerlangan (CoE) digital di negeri Perak.
- Program perintis ini akan mengkaji *Extended Reality* (XR), kecerdasan buatan (AI) dan teknologi lain yang berpotensi dan sejajar dengan ekonomi Perak dengan mengambil kira kekuatan sumber, kelebihan strategik dan pengumpulan aktiviti ekonomi.
- Program perintis akan menekankan pembangunan ekosistem kolaboratif yang mewujudkan perkongsian dan kerjasama dengan institusi pendidikan, pemimpin industri dan agensi kerajaan bagi mewujudkan ekosistem kolaboratif di sekitar CoE.

Pusat ini akan mengutamakan amalan pembangunan mampan, memastikan operasi dan hasilnya menyumbang secara positif kepada landskap ekonomi sosial Perak.

STRATEGI 1

Mempercepatkan Pendigitalan Sektor Perniagaan

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Program perintis akan dilaksanakan untuk membangunkan konsep CoE dalam konteks Perak yang akan mengandungi cadangan mengenai rantai nilai dan bidang peluang yang dikenal pasti menjelang tahun 2028. (Untuk mencapai sasaran pada akhir Fasa 2)
- Penubuhan CoE berdasarkan dapatan daripada kajian rintis (yang dijalankan semasa Fasa 2) dalam Fasa 3.



Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: Digital Perak

Agensi Sokongan: UPEN, PKNPk, MOSTI, Persatuan Industri, KPT dan Institusi – institusi Pendidikan



STRATEGI 1

Mempercepatkan Pendigitalan Sektor Perniagaan

PROGRAM 3

Inisiatif keselamatan siber dan kesedaran digital

Latar Belakang

Ancaman siber yang semakin meningkat mengancam kewangan, ekonomi, dan keselamatan negara. Program ini bertujuan mengurangkan risiko, meningkatkan kesedaran keselamatan siber, memperkukuh keupayaan tempatan, dan memastikan persekitaran digital selamat melalui kerjasama dengan sektor awam dan masyarakat dalam menjejak, mengesan, dan mencegah ancaman siber.

Ringkasan Program

- Meningkatkan kecekapan keselamatan siber dengan penyelesaian di peringkat persekutuan dengan menggunakan infrastruktur pembinaan kecekapan digital sedia ada untuk menyediakan akses yang lancar kepada inisiatif keselamatan siber SiberKASA oleh CyberSecurity Malaysia.
- Menggalakkan kesedaran keselamatan siber di negeri ini dengan memudahkan kerjasama antara NACSA dan pelbagai pihak berkepentingan tempatan melalui maklumat grafik, menjalankan program jangkauan dan menyampaikan ceramah pendidikan.
- Mengintegrasikan aktiviti publisiti dan promosi berkaitan keselamatan siber dalam program ekonomi digital anjuran Kerajaan Negeri.
- Bekerjasama dengan CyberSecurity Malaysia, myhackathon.gov.my dan Digital Perak untuk menyelaraskan pertandingan pengekodan, dan *hackathon* untuk cadangan penyelesaian inovatif dengan menggunakan program Digital Perak untuk mendidik masyarakat, mengenal pasti bidang untuk penambahbaikan, melibatkan orang ramai dalam keselamatan siber, mempromosikan penyelesaian masalah dan inovasi, dan menguji penyelesaian baharu.

STRATEGI 1

Mempercepatkan Pendigitalan Sektor Perniagaan

- Mempromosi program geran dan insentif atau meningkatkan kesedaran tentang insentif sedia ada untuk perniagaan bagi tujuan meningkatkan keselamatan siber.
- Bekerjasama dengan CyberSecurity Malaysia untuk meningkatkan jerayawara (roadshow) di seluruh Perak untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keselamatan siber dan mempromosikan platform sedia ada.

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Peningkatan jumlah inisiatif kesedaran keselamatan siber di peringkat persekutuan dibawa ke peringkat negeri Perak. Inisiatif ini adalah seperti CyberSAFE dan Klik Dengan Bijak.
- Mewujudkan lima (5) kod amalan keselamatan siber dan program kesedaran setiap tahun.

Garis Masa

Fasa 2

Pemegang Taruh

Agensi Utama: Digital Perak

Agensi Sokongan: SKMM (NADI), CyberSecurity Malaysia, NACSA, BPM dan SME Corp



STRATEGI 2

Mempercepatkan Penubuhan Perniagaan dan Keusahawanan Digital



PROGRAM 1 (PROJEK PEMANGKIN)

Membangunkan industri perkhidmatan digital di Perak

Latar Belakang



Industri perkhidmatan digital di Perak seperti perkhidmatan perniagaan global dan teknologi maklumat berpotensi menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi. Kedudukan strategik Perak berhampiran Pulau Pinang dan Lembah Klang serta kos operasi yang rendah menjadikan Perak sebagai lokasi ideal bagi aktiviti sokongan seperti pemprosesan data dan operasi back-office. Program ini diperkukuhkan dengan inisiatif GBS@Ipoh yang bertujuan menarik pelaburan, memanfaatkan bakat tempatan dan mempercepatkan pembangunan ekosistem perkhidmatan digital bagi memacu ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Ringkasan Program



- Pembangunan industri perkhidmatan digital di Perak dengan tumpuan kepada bidang pertumbuhan ekonomi utama yang merangkumi GBS dan Teknologi Maklumat.
- Tumpuan awal inisiatif ini adalah untuk mewujudkan bangunan/lokasi perkhidmatan digital yang berdaya maju seperti yang digariskan dalam STI: S2: P1.
- Inisiatif ini bertujuan memulihkan bangunan komersial sedia ada di Ipoh yang kurang digunakan dan membangunkan kluster baharu di luar bandar raya Ipoh. Kerjasama diperlukan dengan SKMM, Tenaga Nasional, dan MDEC. Rundingan akan dilakukan bersama pemain industri digital, termasuk GBS Malaysia, untuk pembangunan lokasi perkhidmatan digital.
- Program ini akan ditambah baik lagi dengan jumlah cadangan nilai untuk pelabur perkhidmatan digital seperti:
 - Penyediaan bangunan pejabat dengan kos yang kompetitif berbanding Pulau Pinang dan Lembah Klang.
 - Insentif di peringkat negeri
 - Inisiatif sokongan seperti pembekalan dan pembangunan tenaga mahir melalui kolaborasi bersama. Contohnya, GBS@UKM dan program industri GBS NCIA-USM.
- Kerjasama dengan NCER, MDEC, Invest Perak, MIDA, PKNPK, Digital Perak, MBI, PASAK, dan persatuan industri akan memudahkan akses pelabur asing dan domestik dalam sektor perkhidmatan digital.

STRATEGI 2

Mempercepatkan Penubuhan Perniagaan dan Keusahawanan Digital

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Sasaran pelaburan sektor perkhidmatan digital: RM1.1 Bilion bilion - RM2.6 Bilion bilion menjelang tahun 2030.
- Sektor perkhidmatan digital menyasarkan kadar guna tenaga: 2,052 sehingga 5,131 tenaga kerja menjelang tahun 2030.



Garis Masa

Fasa 2

Pemegang Taruh

Agensi Utama: PKNPk, Pejabat Pelaburan Digital

Agensi Sokongan: MDEC, Invest Perak, MIDA, SKMM, Tenaga Nasional, Digital Perak, MBI, PASAK, NCIA



TERAS STRATEGIK

4

Masyarakat Diperkasa
Pendigitalan

4

Masyarakat Diperkasa Pendigitalan

Teras ini menumpukan kepada usaha memperkukuh keterangkuman digital dalam kalangan masyarakat dengan menyediakan akses kepada teknologi dan peluang pembelajaran digital untuk semua lapisan masyarakat. Program-program seperti inisiatif kampung digital, pembayaran tanpa tunai, serta latihan kemahiran digital akan memastikan semua kumpulan masyarakat mendapat manfaat daripada teknologi digital. Fokus juga diberikan kepada meningkatkan kesedaran tentang kerjaya digital dan memudahkan penyertaan golongan OKU dalam ekonomi digital.



STRATEGI 1

Keterangkuman Digital

PROGRAM 1 (PROJEK PEMANGKIN)

Pembayaran tanpa tunai di sekolah, universiti, dan PMKS

Latar Belakang

Peralihan masyarakat kepada pembayaran tanpa tunai membawa banyak manfaat seperti meningkatkan kecekapan transaksi, memudahkan pembayaran pada bila-bila masa dan tempat, serta mengurangkan jenayah melalui transaksi digital yang boleh dikesan. Kaedah ini membentuk tabiat pembayaran digital dalam kalangan generasi muda, mempersiapkan mereka untuk ekonomi digital masa depan, dan menggalakkan perbelanjaan bertanggungjawab serta penjimatan.

Ringkasan Program

- Membina ekosistem tanpa tunai di Perak dengan penyelesaian dan teknologi yang relevan bagi menyokong penggunaan transaksi digital.
- Menyelaraskan proses penerimgunaan sistem tanpa tunai melalui Clicks@Perak, platform mesra pengguna untuk pelajar, ibu bapa, pentadbir sekolah/universiti dan PKS.
- Menyepadukan sistem tanpa tunai dengan inisiatif seperti Rancangan Makanan Tambahan, Program Susu Sekolah, dan Tuisyen Cikgu Saarani bagi menggantikan sistem pembelian makanan tradisional kepada e-Dompet dan kad digital melalui platform *Virtual Mocking*.
- Memperkenalkan *Virtual Mocking*, sebuah platform yang menyerupai bank maya untuk pelajar dengan simulasi transaksi sebenar dalam kedua-dua program tersebut.
- Koordinasi dan perancangan dengan JPN untuk melibatkan melibatkan penglibatan aktif pihak berkepentingan seperti ibu bapa, PIBG dan komuniti bagi memajukan cadangan sebelum diumumkan kepada umum.
- Mempromosi manfaat ekonomi tanpa tunai kepada PKS dan orang ramai bagi meningkatkan penerimaan terhadap sistem ini.

STRATEGI 1

Keterangkuman Digital

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Mencapai kadar pembayaran tanpa tunai di sekurang-kurangnya 10% sekolah di Perak menjelang tahun 2028.
- Sasaran untuk melibatkan 4,000 PKS dalam program pembayaran tanpa tunai menjelang tahun 2028. (18,000 PKS akan didigitalkan sepenuhnya menjelang tahun 2030)




Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: Digital Perak dan SKMM

Agensi Sokongan: JPN Perak, Kementerian Kewangan dan BNM



STRATEGI 1

Keterangkuman Digital

PROGRAM 2

Inisiatif Perkampungan Digital

Latar Belakang

Inisiatif Kampung Digital (*Digital Village*) bertujuan untuk meningkatkan persekitaran internet bagi penduduk luar bandar dan terpencil dengan mempromosikan kesedaran pendigitalan dan menyediakan peluang yang lebih tinggi untuk mengakses dan memanfaatkannya. Inisiatif ini akan memperkukuh usaha PBT dalam mempromosikan pelancongan melalui pembangunan kandungan serta video digital. Kampung Digital juga bertujuan memperkasa komuniti dengan melatih penduduk dalam kemahiran digital, membuka peluang keusahawanan, serta memperkenalkan perkhidmatan dalam talian seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan kerajaan secara digital.

Ringkasan Program

Pembangunan Infrastruktur:

- Kerjasama dengan PBT, SKMM, JAKOA dan Penghulu untuk meningkatkan capaian internet dan sambungan data.
- Menubuhkan Pusat Maklumat Desa (VIC) yang setaraf dengan NADI. Melengkapkan VIC dengan infrastruktur dan peralatan untuk
- pembelajaran digital serta komunikasi.

Pembangunan Perniagaan Digital:

- Mewujudkan platform dalam talian untuk mempamerkan kampung terpencil, luar bandar, dan Orang Asli kepada komuniti luar, dengan menyediakan e-Dagang bagi produk serantau, pakej pelancongan, berita tempatan, dan ruang komuniti maya. Melaksanakan model platform e-Penghulu, memfokuskan kepada kebolehcapaian awal daripada VIC dan seterusnya dikembangkan kepada setiap isi rumah. Melaksanakan Model Perniagaan Digital yang mempromosikan inisiatif
- pelancongan berasaskan komuniti
- Menggalakkan penggunaan seni dan budaya sebagai alat promosi digital dengan kerjasama PORT.

STRATEGI 1

Keterangkuman Digital

Pembangunan Kemahiran dan Latihan

- Memanfaatkan program MyIkrar di bawah MyDIGITAL untuk menyediakan latihan asas digital kepada kumpulan rentan.
- Berkolaborasi dengan pihak berkepentingan bagi menggalakkan penggunaan digital dalam kalangan golongan warga emas melalui Pusat Maklumat Desa.
- Mempromosikan platform e-Penghulu di Pusat Maklumat Desa untuk meningkatkan integrasi ekosistem maklumat digital di kalangan penduduk Perak.

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Melaksanakan projek perintis sebagai ujian skala kecil kepada konsep desa digital di dua (2) kampung menjelang tahun 2028.
- Pelaksanaan di 256 kampung akan dinilai selanjutnya berdasarkan hasil dapatan daripada projek perintis ini.

Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: PDT

Agensi Sokongan: JAKOA, SKMM, Tourism Perak, STeP, Digital Perak dan PORT

STRATEGI 1

Keterangkuman Digital

PROGRAM 3

Penyelarasan dan liputan pusat digital (NADI dan Perpustakaan Digital)

Latar Belakang

Pusat Internet Desa (PID) merupakan program di bawah Sektor Komunikasi di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Ia bermula sebagai salah satu inisiatif kerajaan dalam usaha merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar. Konsep ini telah diserap secara progresif ke dalam NADI yang kini berada di bawah seliaan SKMM, di mana ia memainkan peranan yang diperluaskan terutamanya dalam menganjurkan aktiviti latihan dan pembangunan, pembangunan keusahawanan, dan memudahkan keterangkuman digital dalam masyarakat.

Ringkasan Program

Meningkatkan Liputan Kemudahan Digital Komuniti secara Berkelompok

- Mengenal pasti kawasan keutamaan untuk NADI tambahan atau kemudahan digital komuniti secara berkelompok yang setara dalam perbandaran atau bandar, dengan kerjasama PBT, SKMM, dan PPANPK.
- Untuk memudah cara proses perancangan penubuhan pusat digital tambahan dan memastikan pembiayaan yang mampan; termasuk memudahkan proses untuk mengenal pasti kawasan liputan yang berpotensi berlaku pertindihan.
- Menyediakan sekurang-kurangnya 1 pusat NADI dalam setiap 1 DUN untuk akses menyeluruh.

Memenuhi Keperluan Digital Warga Emas:

- Mengadakan bengkel kemahiran seperti kelas teknologi asas, penggunaan e-Dompet, media sosial, dan e-Hailing untuk warga emas.
- Mewujudkan help desk khusus yang membantu warga emas dengan pertanyaan digital.
- Memanfaatkan pusat komuniti, seperti Pusat Aktiviti Warga Emas, sebagai tempat pembelajaran digital bagi golongan ini.

STRATEGI 1

Keterangkuman Digital

Memperluaskan Fungsi NADI sebagai Pusat Kompetensi Digital Keusahawanan

- Menjadikan NADI sebagai pusat setempat yang berperanan mendukung kecekapan digital bagi usahawan dan PKS tempatan.
- Bekerjasama dengan STeP untuk mengenal pasti ikon tempatan dalam keusahawanan dan menyediakan bimbingan pembangunan perniagaan.

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Untuk menambah lebih banyak program keusahawanan yang akan diadakan di NADI dan ruang komuniti digital yang lain

Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: SKMM dan Perpustakaan Digital oleh MBI

Agensi Sokongan: Digital Perak, PASAK, PBT, JKM dan STeP

STRATEGI 1

Keterangkuman Digital

PROGRAM 4

Kitar semula peranti digital untuk golongan B40

Latar Belakang

Program ini bertujuan memastikan golongan B40 di Perak mendapat akses kepada teknologi secara menyeluruh. Kadar penggunaan komputer di kawasan luar bandar mencatat 69.1%, berbanding 80.5% di kawasan bandar, menunjukkan jurang digital yang perlu ditangani. Melalui program ini, pembelajaran dalam talian dapat diperkasakan, sekali gus membantu golongan ini memanfaatkan peluang pekerjaan dan meningkatkan kemahiran digital mereka.

Ringkasan Program

Meningkatkan dan Memperluaskan Inisiatif Digital di Perak

- Melancarkan Program Selenggara Semula Peranti Digital Perak bagi mengurus pengumpulan, baik pulih, dan pengedaran peranti kepada golongan B40.
- Memanfaatkan inisiatif sedia ada seperti MyBaikHati, bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi (CelcomDigi, Axiata, Maxis, dan lain-lain) dan organisasi untuk mendermakan peranti.
- Program ini menggalakkan rakyat Malaysia menyumbang peranti yang tidak digunakan, dengan insentif sebanyak RM500 bagi setiap peranti.
- Peranti akan diedarkan kepada calon B40 dan layak berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh LHDN.

Proses Pengumpulan dan Pengedaran Peranti

- Menyelaraskan pengumpulan dan pengedaran dengan kerjasama sekolah, sektor swasta, dan NGO bagi memastikan peranti sampai kepada individu yang memerlukan.
- Menyediakan komputer riba melalui program sewa kepada komuniti kurang berkemampuan (contohnya, Program Ready to Use dan Program Sewaan Pintar oleh Linear Channel).

STRATEGI 1

Keterangkuman Digital

Inisiatif Korporat untuk Menggalakkan celik Digital

- Menggalakkan kerjasama dengan syarikat korporat bagi menyokong pelajar yang kurang berkemampuan dan menyumbang peranti terpakai yang diselenggara, menaik taraf makmal komputer dengan fokus memperkasa komuniti B40 melalui akses kepada teknologi yang lebih baik.

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Meningkatkan pelaksanaan program baik pulih peranti peringkat persekutuan di Perak, termasuk inisiatif seperti Program Jaringan Prihatin dan MyBaikHati. Program ini bertujuan untuk mencapai isi rumah B40 yang layak di Perak berdasarkan kriteria Sumbangan Tunai Rahmah, menyediakan peranti penting seperti komputer untuk e-Pembelajaran.
- Sasaran 25% isi rumah B40 yang layak di Perak menjelang tahun 2028.
- Optimumkan ketersediaan peranti yang mantap di pusat digital Perak yang sejajar dengan populasi yang memerlukan.

Garis Masa

Fasa 2

Pemegang Taruh

Agensi Utama: PBT

Agensi Sokongan: PDT, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, NGO, Swasta dan Digital Perak

STRATEGI 2

Kemahiran Digital Dan Pembangunan Kerjaya

PROGRAM 1

Pembelajaran dalam talian dan program peningkatan kemahiran untuk warga yang bekerja

Latar Belakang

Program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula dalam talian dapat membantu organisasi dan individu untuk kekal di hadapan dan memastikan kebolehpasaran mereka pada masa hadapan. Program ini bersifat fleksibel dan mudah diakses, menawarkan pelbagai kursus dan pensijilan. Ia memberikan impak yang besar terhadap tenaga kerja dan memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang kemahiran.

Ringkasan Program

Pemudahcaraan dan Penyelarasan dengan Institusi Pendidikan

- Mewujudkan perkongsian dengan institusi pendidikan yang berpangkalan di Perak untuk memperkenalkan program pembelajaran jarak jauh dalam talian dan bekerjasama untuk mereka bentuk dan membangunkan kursus dalam talian dengan pelbagai kurikulum yang sejajar dengan keperluan industri, kemajuan teknologi dan keperluan kemahiran.
- Memudah cara perkongsian yang bersepadu di antara institusi pendidikan dan majikan bagi mewujudkan peluang praktikal dan latihan industri dalam talian untuk pelajar.

Mempercepatkan Kesedaran dan Penerimaan Program/Inisiatif Sedia Ada

- Memanfaatkan program peningkatan kemahiran oleh PASAK untuk mereka yang bekerja.
- Memanfaatkan Upskill Malaysia, platform pusat bersepadu yang membolehkan individu mencari dan memohon program pembangunan kemahiran yang ditawarkan oleh Kerajaan Malaysia.
- Meningkatkan kesedaran tentang skim RPEL yang memudahkan perkembangan kerjaya.
- Meningkatkan kesedaran tentang ketersediaan dan faedah program pembelajaran dalam talian di kalangan tenaga kerja di Perak.
- Menjalankan program jangkauan untuk menggalakkan penyertaan dan menggalakkan penggunaan pembelajaran dalam talian melalui kerjasama dengan institusi pendidikan utama di Perak.

STRATEGI 2

Kemahiran Digital Dan Pembangunan Kerjaya

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Peningkatan program dan platform kerjasama antara kerajaan, industri, dan institusi pengajian tinggi untuk mempercepat kesedaran terhadap inisiatif sedia ada di Perak, contohnya, UPSKILL Malaysia, RPEL, dan Hab Pengeluar Digital (Digital Maker Hub).
- Mengenal pasti kemahiran digital yang relevan mengikut keperluan industri dari sektor pertanian, pembuatan, dan perkhidmatan serta menyediakan program latihan dan peningkatan kemahiran (sekurang-kurangnya lima (5) setiap industri setiap tahun bermula dari tahun 2024). Kursus latihan tersebut mestilah meliputi tahap asas, sederhana dan lanjutan mengikut tahap kemahiran peserta.



Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: PASAK dan PCE

Agensi Sokongan: Digital Perak dan Institusi-institusi Pendidikan



STRATEGI 2

Kemahiran Digital Dan Pembangunan Kerjaya

PROGRAM 2

Inisiatif kesedaran kerjaya digital yang disasarkan kepada murid sekolah

Latar Belakang

Pembangunan kerjaya berasaskan digital adalah penting dalam usaha meningkatkan modal insan dan daya saing ekonomi. Malah, data terkini menunjukkan ramai pelajar sekolah memilih untuk tidak menyambung pengajian tinggi disebabkan kekangan kewangan dan kecenderungan meneroka peluang kerjaya digital melalui media sosial. Program ini bertujuan membantu pelajar mengenal pasti kerjaya digital sejak awal agar lebih bersedia menyertai industri digital dalam mengatasi cabaran industri masa kini.

Ringkasan Program

Memacu Kesedaran melalui Kerjasama antara PASAK dan JPN

- Mengadakan ceramah kerjaya, ceramah motivasi, dan bengkel kecil melalui program Pemetaan Kerjaya (PETA) untuk meningkatkan kesedaran tentang pilihan kerjaya digital.
- Melibatkan wakil industri bagi berkongsi maklumat dan kajian kes kerjaya digital.
- Mengundang pempengaruh media sosial dan selebriti sebagai jurucakap dalam sesi kerjaya untuk menarik minat pelajar.

Meningkatkan Kesedaran Kerjaya Digital

- Menjalankan program jelajah kesedaran kerjaya digital di peringkat negeri dengan kerjasama sektor swasta, penyedia pendidikan, dan agensi kerajaan.
- Karnival Pendidikan Digital turut dianjurkan bagi mempromosikan kerjaya digital kepada pelajar sekolah.

STRATEGI 2

Kemahiran Digital Dan Pembangunan Kerjaya

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Program kesedaran kerjaya digital akan dilaksanakan sekurang-kurangnya di 30 buah sekolah pada tahun 2024.
- Pempengaruh media sosial akan dilibatkan untuk mempromosikan kepentingan pendidikan dalam kemahiran digital.



Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: PASAK

Agensi Sokongan: : Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Digital Perak, MDEC, GBS@Ipoh Implementation Committee



STRATEGI 2

Kemahiran Digital Dan Pembangunan Kerjaya

PROGRAM 3

Kemahiran digital dan keterangkuman OKU

Latar Belakang

Program ini bertujuan untuk memperkasa OKU dengan memperluaskan akses serta penggunaan teknologi digital dan teknologi bantuan dalam kehidupan harian mereka. Masih terdapat cabaran bagi golongan ini untuk menguasai kemahiran digital sepenuhnya, selain kekurangan peluang latihan yang sesuai. Program ini mengambil inspirasi daripada Program Enable IT di Singapura, dengan matlamat memperkukuh keterangkuman dan kebolehpapaian OKU, sekali gus membolehkan mereka lebih berdaya saing dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan aktiviti harian.

Ringkasan Program

Pengenalan kelas latihan digital dan penggunaan ruang komuniti

- Mengkoordinasi penubuhan kelas kemahiran digital melalui program kerajaan dan NGO sedia ada dengan memanfaatkan infrastruktur digital negeri seperti NADI dan perpustakaan digital.
- Melibatkan program khusus seperti OKU Talent Enhancement Programme (OTEP) dan Program Pemerksaan OKU Celik Digital.
- Menyediakan latihan di pusat komuniti dan ruang vokasional tempatan seperti Persatuan Day Break Perak dan sebagainya.

Memperkenalkan dan meningkatkan kesedaran tentang Teknologi Bantuan (AT) dan membangunkan pusat sumber AT untuk OKU

- Memudah cara kerjasama dengan agensi kerajaan, organisasi negeri, dan NGO untuk meningkatkan literasi digital OKU melalui ceramah pendidikan dan aktiviti jangkauan.
- Mengkoordinasi kelas pengenalan tentang ciri-ciri peranti boleh capai untuk OKU dengan menggunakan infrastruktur digital negeri sedia ada seperti Pusat NADI, Perpustakaan Digital dan HiM. Ini termasuk pembangunan pusat sumber AT yang dilengkapi dengan makmal komunikasi dan teknologi, serta bilik pameran untuk mencuba peranti dan memudah cara pembangunan kemahiran sebelum pembelian.

STRATEGI 2

Kemahiran Digital Dan Pembangunan Kerjaya

- Memimpin atau memudah cara inisiatif pembiayaan awam-swasta yang melibatkan agensi kerajaan seperti KPWKM atau SKMM, dengan kerjasama projek tanggungjawab sosial korporat sektor swasta untuk menjadikan AT lebih mampu dimiliki dan boleh diakses oleh individu dengan keperluan yang berbeza.
- Membangunkan skim geran untuk NGO, yang membolehkan mereka terlibat dengan OKU dan menyediakan akses kepada peranti AT yang sesuai dan aplikasi mudah alih, dengan memanfaatkan pengalaman mereka dalam memahami keperluan golongan berkeperluan khas

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Melaksanakan projek perintis sebagai ujian skala kecil kepada konsep desa digital di dua (2) kampung menjelang tahun 2028.
- Pelaksanaan di 256 kampung akan dinilai selanjutnya berdasarkan hasil dapatan daripada projek perintis ini.

Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: PDT

Agensi Sokongan: JAKOA, SKMM, Tourism Perak, STeP, Digital Perak dan PORT

STRATEGI 1

Keterangkuman Digital

PROGRAM 3

Penyelarasan dan liputan pusat digital (NADI dan Perpustakaan Digital)

Latar Belakang

Pusat Internet Desa (PID) merupakan program di bawah Sektor Komunikasi di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Ia bermula sebagai salah satu inisiatif kerajaan dalam usaha merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar. Konsep ini telah diserap secara progresif ke dalam NADI yang kini berada di bawah seliaan SKMM, di mana ia memainkan peranan yang diperluaskan terutamanya dalam menganjurkan aktiviti latihan dan pembangunan, pembangunan keusahawanan, dan memudahkan keterangkuman digital dalam masyarakat.

Ringkasan Program

Meningkatkan Liputan Kemudahan Digital Komuniti secara Berkelompok

- Mengenal pasti kawasan keutamaan untuk NADI tambahan atau kemudahan digital komuniti secara berkelompok yang setara dalam perbandaran atau bandar, dengan kerjasama PBT, SKMM, dan PPANPK.
- Untuk memudah cara proses perancangan penubuhan pusat digital tambahan dan memastikan pembiayaan yang mampan; termasuk memudahkan proses untuk mengenal pasti kawasan liputan yang berpotensi berlaku pertindihan.
- Menyediakan sekurang-kurangnya 1 pusat NADI dalam setiap 1 DUN untuk akses menyeluruh.

Memenuhi Keperluan Digital Warga Emas:

- Mengadakan bengkel kemahiran seperti kelas teknologi asas, penggunaan e-Dompet, media sosial, dan e-Hailing untuk warga emas.
- Mewujudkan help desk khusus yang membantu warga emas dengan pertanyaan digital.
- Memanfaatkan pusat komuniti, seperti Pusat Aktiviti Warga Emas, sebagai tempat pembelajaran digital bagi golongan ini.

STRATEGI 1

Keterangkuman Digital

Memperluaskan Fungsi NADI sebagai Pusat Kompetensi Digital Keusahawanan

- Menjadikan NADI sebagai pusat setempat yang berperanan mendukung kecekapan digital bagi usahawan dan PKS tempatan.
- Bekerjasama dengan STeP untuk mengenal pasti ikon tempatan dalam keusahawanan dan menyediakan bimbingan pembangunan perniagaan.

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Untuk menambah lebih banyak program keusahawanan yang akan diadakan di NADI dan ruang komuniti digital yang lain


Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: SKMM dan Perpustakaan Digital oleh MBI

Agensi Sokongan: Digital Perak, PASAK, PBT, JKM dan STeP



STRATEGI 1

Keterangkuman Digital

PROGRAM 4

Kitar semula peranti digital untuk golongan B40

Latar Belakang

Program ini bertujuan memastikan golongan B40 di Perak mendapat akses kepada teknologi secara menyeluruh. Kadar penggunaan komputer di kawasan luar bandar mencatat 69.1%, berbanding 80.5% di kawasan bandar, menunjukkan jurang digital yang perlu ditangani. Melalui program ini, pembelajaran dalam talian dapat diperkasakan, sekali gus membantu golongan ini memanfaatkan peluang pekerjaan dan meningkatkan kemahiran digital mereka.

Ringkasan Program

Meningkatkan dan Memperluaskan Inisiatif Digital di Perak

- Melancarkan Program Selenggara Semula Peranti Digital Perak bagi mengurus pengumpulan, baik pulih, dan pengedaran peranti kepada golongan B40.
- Memanfaatkan inisiatif sedia ada seperti MyBaikHati, bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi (CelcomDigi, Axiata, Maxis, dan lain-lain) dan organisasi untuk mendermakan peranti.
- Program ini menggalakkan rakyat Malaysia menyumbang peranti yang tidak digunakan, dengan insentif sebanyak RM500 bagi setiap peranti.
- Peranti akan diedarkan kepada calon B40 dan layak berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh LHDN.

Proses Pengumpulan dan Pengedaran Peranti

- Menyelaraskan pengumpulan dan pengedaran dengan kerjasama sekolah, sektor swasta, dan NGO bagi memastikan peranti sampai kepada individu yang memerlukan.
- Menyediakan komputer riba melalui program sewa kepada komuniti kurang berkemampuan (contohnya, Program Ready to Use dan Program Sewaan Pintar oleh Linear Channel).

STRATEGI 1

Keterangkuman Digital

Inisiatif Korporat untuk Menggalakkan celik Digital

- Menggalakkan kerjasama dengan syarikat korporat bagi menyokong pelajar yang kurang berkemampuan dan menyumbang peranti terpakai yang diselenggara, menaik taraf makmal komputer dengan fokus memperkasa komuniti B40 melalui akses kepada teknologi yang lebih baik.

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Meningkatkan pelaksanaan program baik pulih peranti peringkat persekutuan di Perak, termasuk inisiatif seperti Program Jaringan Prihatin dan MyBaikHati. Program ini bertujuan untuk mencapai isi rumah B40 yang layak di Perak berdasarkan kriteria Sumbangan Tunai Rahmah, menyediakan peranti penting seperti komputer untuk e-Pembelajaran.
- Sasaran 25% isi rumah B40 yang layak di Perak menjelang tahun 2028.
- Optimumkan ketersediaan peranti yang mantap di pusat digital Perak yang sejajar dengan populasi yang memerlukan.

Garis Masa

Fasa 2

Pemegang Taruh

Agensi Utama: PBT

Agensi Sokongan: PDT, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, NGO, Swasta dan Digital Perak

STRATEGI 2

Kemahiran Digital Dan Pembangunan Kerjaya

PROGRAM 1

Pembelajaran dalam talian dan program peningkatan kemahiran untuk warga yang bekerja

Latar Belakang

Program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula dalam talian dapat membantu organisasi dan individu untuk kekal di hadapan dan memastikan kebolehpasaran mereka pada masa hadapan. Program ini bersifat fleksibel dan mudah diakses, menawarkan pelbagai kursus dan pensijilan. Ia memberikan impak yang besar terhadap tenaga kerja dan memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang kemahiran.

Ringkasan Program

Pemudahcaraan dan Penyelarasan dengan Institusi Pendidikan

- Mewujudkan perkongsian dengan institusi pendidikan yang berpangkalan di Perak untuk memperkenalkan program pembelajaran jarak jauh dalam talian dan bekerjasama untuk mereka bentuk dan membangunkan kursus dalam talian dengan pelbagai kurikulum yang sejajar dengan keperluan industri, kemajuan teknologi dan keperluan kemahiran.
- Memudah cara perkongsian yang bersepadu di antara institusi pendidikan dan majikan bagi mewujudkan peluang praktikal dan latihan industri dalam talian untuk pelajar.

Mempercepatkan Kesedaran dan Penerimaan Program/Inisiatif Sedia Ada

- Memanfaatkan program peningkatan kemahiran oleh PASAK untuk mereka yang bekerja.
- Memanfaatkan Upskill Malaysia, platform pusat bersepadu yang membolehkan individu mencari dan memohon program pembangunan kemahiran yang ditawarkan oleh Kerajaan Malaysia.
- Meningkatkan kesedaran tentang skim RPEL yang memudahkan perkembangan kerjaya.
- Meningkatkan kesedaran tentang ketersediaan dan faedah program pembelajaran dalam talian di kalangan tenaga kerja di Perak.
- Menjalankan program jangkauan untuk menggalakkan penyertaan dan menggalakkan penggunaan pembelajaran dalam talian melalui kerjasama dengan institusi pendidikan utama di Perak.

STRATEGI 2

Kemahiran Digital Dan Pembangunan Kerjaya

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Peningkatan program dan platform kerjasama antara kerajaan, industri, dan institusi pengajian tinggi untuk mempercepat kesedaran terhadap inisiatif sedia ada di Perak, contohnya, UPSKILL Malaysia, RPEL, dan Hab Pengeluar Digital (Digital Maker Hub).
- Mengenal pasti kemahiran digital yang relevan mengikut keperluan industri dari sektor pertanian, pembuatan, dan perkhidmatan serta menyediakan program latihan dan peningkatan kemahiran (sekurang-kurangnya lima (5) setiap industri setiap tahun bermula dari tahun 2024). Kursus latihan tersebut mestilah meliputi tahap asas, sederhana dan lanjutan mengikut tahap kemahiran peserta.



Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: PASAK dan PCE

Agensi Sokongan: Digital Perak dan Institusi-institusi Pendidikan



STRATEGI 2

Kemahiran Digital Dan Pembangunan Kerjaya

PROGRAM 2

Inisiatif kesedaran kerjaya digital yang disasarkan kepada murid sekolah

Latar Belakang

Pembangunan kerjaya berasaskan digital adalah penting dalam usaha meningkatkan modal insan dan daya saing ekonomi. Malah, data terkini menunjukkan ramai pelajar sekolah memilih untuk tidak menyambung pengajian tinggi disebabkan kekangan kewangan dan kecenderungan meneroka peluang kerjaya digital melalui media sosial. Program ini bertujuan membantu pelajar mengenal pasti kerjaya digital sejak awal agar lebih bersedia menyertai industri digital dalam mengatasi cabaran industri masa kini.

Ringkasan Program

Memacu Kesedaran melalui Kerjasama antara PASAK dan JPN

- Mengadakan ceramah kerjaya, ceramah motivasi, dan bengkel kecil melalui program Pemetaan Kerjaya (PETA) untuk meningkatkan kesedaran tentang pilihan kerjaya digital.
- Melibatkan wakil industri bagi berkongsi maklumat dan kajian kes kerjaya digital.
- Mengundang pempengaruh media sosial dan selebriti sebagai jurucakap dalam sesi kerjaya untuk menarik minat pelajar.

Meningkatkan Kesedaran Kerjaya Digital

- Menjalankan program jelajah kesedaran kerjaya digital di peringkat negeri dengan kerjasama sektor swasta, penyedia pendidikan, dan agensi kerajaan.
- Karnival Pendidikan Digital turut dianjurkan bagi mempromosikan kerjaya digital kepada pelajar sekolah.

STRATEGI 2

Kemahiran Digital Dan Pembangunan Kerjaya

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Program kesedaran kerjaya digital akan dilaksanakan sekurang-kurangnya di 30 buah sekolah pada tahun 2024.
- Pempengaruh media sosial akan dilibatkan untuk mempromosikan kepentingan pendidikan dalam kemahiran digital.



Garis Masa

Fasa 1b

Pemegang Taruh

Agensi Utama: PASAK

Agensi Sokongan: : Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Digital Perak, MDEC, GBS@Ipoh Implementation Committee



STRATEGI 2

Kemahiran Digital Dan Pembangunan Kerjaya

PROGRAM 3

Kemahiran digital dan keterangkuman OKU

Latar Belakang

Program ini bertujuan untuk memperkasa OKU dengan memperluaskan akses serta penggunaan teknologi digital dan teknologi bantuan dalam kehidupan harian mereka. Masih terdapat cabaran bagi golongan ini untuk menguasai kemahiran digital sepenuhnya, selain kekurangan peluang latihan yang sesuai. Program ini mengambil inspirasi daripada Program Enable IT di Singapura, dengan matlamat memperkukuh keterangkuman dan kebolehcapaian OKU, sekali gus membolehkan mereka lebih berdaya saing dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan aktiviti harian.

Ringkasan Program

Pengenalan kelas latihan digital dan penggunaan ruang komuniti

- Mengkoordinasi penubuhan kelas kemahiran digital melalui program kerajaan dan NGO sedia ada dengan memanfaatkan infrastruktur digital negeri seperti NADI dan perpustakaan digital.
- Melibatkan program khusus seperti OKU Talent Enhancement Programme (OTEP) dan Program Pemerkasaan OKU Celik Digital.
- Menyediakan latihan di pusat komuniti dan ruang vokasional tempatan seperti Persatuan Day Break Perak dan sebagainya.

Memperkenalkan dan meningkatkan kesedaran tentang Teknologi Bantuan (AT) dan membangunkan pusat sumber AT untuk OKU

- Memudah cara kerjasama dengan agensi kerajaan, organisasi negeri, dan NGO untuk meningkatkan literasi digital OKU melalui ceramah pendidikan dan aktiviti jangkauan.
- Mengkoordinasi kelas pengenalan tentang ciri-ciri peranti boleh capai untuk OKU dengan menggunakan infrastruktur digital negeri sedia ada seperti Pusat NADI, Perpustakaan Digital dan HiM. Ini termasuk pembangunan pusat sumber AT yang dilengkapi dengan makmal komunikasi dan teknologi, serta bilik pameran untuk mencuba peranti dan memudah cara pembangunan kemahiran sebelum pembelian.

STRATEGI 2

Kemahiran Digital Dan Pembangunan Kerjaya

- Memimpin atau memudah cara inisiatif pembiayaan awam-swasta yang melibatkan agensi kerajaan seperti KPWK atau SKMM, dengan kerjasama projek tanggungjawab sosial korporat sektor swasta untuk menjadikan AT lebih mampu dimiliki dan boleh diakses oleh individu dengan keperluan yang berbeza.
- Membangunkan skim geran untuk NGO, yang membolehkan mereka terlibat dengan OKU dan menyediakan akses kepada peranti AT yang sesuai dan aplikasi mudah alih, dengan memanfaatkan pengalaman mereka dalam memahami keperluan golongan berkeperluan khas

Sasaran Keberhasilan (Outcome)

- Meningkatkan bilangan penyertaan OKU dalam latihan kemahiran digital dan ruang komuniti digital.
- Meningkatkan kesedaran dan kebolehcapaian AT untuk OKU.

Garis Masa

Fasa 3

Pemegang Taruh


Agensi Utama: PASAK

Agensi Sokongan: : JKM, SKMM, KPWK, JPPWD, NGOs, dan syarikat sektor swasta

The background is a dark, textured composition. It features numerous vertical, glowing green and yellow light streaks of varying lengths and intensities, creating a sense of depth and movement. In the lower right corner, there is a complex network diagram consisting of thin, golden-yellow lines connecting small, circular nodes, resembling a molecular structure or a data network.

STRUKTUR TADBIR URUS

Bagi memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 diselaraskan sebaiknya serta mencapai visi dan matlamat yang digariskan, Majlis Ekonomi Digital Negeri Perak (MEDi) akan ditubuhkan sebagai struktur tadbir urus utama. Struktur tadbir urus ini dirangka untuk memacu pelaksanaan, pengurusan, dan pemantauan semua program yang dirancang di bawah pelan ini.



Majlis Ekonomi Digital Negeri Perak (MEDi) akan ditubuhkan untuk memacu pelaksanaan, pengurusan dan pemantauan semua program di bawah Pelan Tindakan Ekonomi Digital Perak 2030 ini.

MEDi akan memberi panduan kepada keseluruhan pelaksanaan pelan ini dan membincangkan hala tuju dan dasar berkaitan ekonomi digital di negeri Perak, di samping melaporkan status pelaksanaan agenda Ekonomi Digital kepada Jawatankuasa Pemandu Perak Sejahtera 2030 yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar.

MEDi juga akan bekerjasama erat dengan Jawatankuasa Kerja Perak Sejahtera 2030 dan agensi utama yang dikenal pasti untuk setiap program, agensi peringkat persekutuan, industri dan akademik yang diperlukan. Peranan Jawatankuasa Kerja Perak Sejahtera 2030 adalah merangkumi penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak, di samping menyediakan cadangan penambahbaikan pelan ini bagi pertimbangan dan kelulusan MEDi.

Peranan Agensi Utama

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) berfungsi sebagai pemegang punca kuasa perancangan ekonomi negeri Perak dan bertindak sebagai pemantau pelaksanaan pelan tindakan ini.

Digital Perak sebagai agensi peneraju agenda Ekonomi Digital berfungsi sebagai *Strategic Programme Management Office* (SPMO), seumpama peranan MyDigital Corporation di peringkat persekutuan. Digital Perak akan memantau pelaksanaan program strategik, menyediakan sokongan teknikal, dan memastikan setiap projek mematuhi sasaran dan garis masa yang ditetapkan.

An aerial photograph of Ipoh, Malaysia, featuring the Ipoh Town Hall (Dewan Bandaran Ipoh) in the foreground. The image is overlaid with a semi-transparent orange geometric network pattern. The text "ASPIRASI KE REALITI : SEDERAP MELANGKAH KE HADAPAN" is prominently displayed in white, bold, sans-serif capital letters across the center of the image.

ASPIRASI KE REALITI : SEDERAP MELANGKAH KE HADAPAN

Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 merupakan manifestasi komitmen negeri untuk mentransformasikan negeri Perak menjadi pemacu utama ekonomi digital di Malaysia. Selaras dengan agenda ekonomi digital dalam pelan Perak Sejahtera 2030, pelan ini bertujuan mengangkat ekonomi digital sebagai pemacu dan pemangkin kepada agenda utama negeri dan sekali gus menangani cabaran perdana yang diutarakan dalam Pelan Perak Sejahtera 2030 iaitu migrasi belia, kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40), masyarakat menua, dan ketersediaan menghadapi era pendigitalan.

Bagi merealisasikan visi dan matlamat Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030, pelan tindakan ini berbeza dari gerak kerja konservatif atau Business as Usual (BAU) melalui orientasi ke masa depan. Satu proses transformasi yang bergerak dengan pendekatan minda 'Digital First' perlu diambil oleh semua pihak. Pemikiran 'Digital First' bertindak sebagai seruan kepada tindakan (call to action) bagi pelaksanaan pelan, yang menyeru kepada perubahan paradigma dalam cara kerja dan pendekatan pembangunan, termasuklah dalam setiap keputusan, strategi, dan tindakan. Pertimbangan teknologi digital perlu diutamakan sebagai alat untuk mencapai kecekapan, inovasi, dan impak yang lebih besar. Pendekatan ini bukan sekadar memperkenalkan teknologi, tetapi melibatkan transformasi budaya, pemikiran, dan amalan kerja dalam kalangan kerajaan, sektor swasta, sektor pendidikan, dan seterusnya membentuk masyarakat yang celik teknologi (technology savvy).

Melangkah ke hadapan, pelan ini memerlukan kerjasama pelbagai pihak khususnya semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri, PBT, Institut Pengajian Tinggi, usahawan, sektor swasta, dan pemain industri. Dalam hal ini, struktur tadbir urus yang komprehensif dan bertanggungjawab telah ditubuhkan bagi memacu pelaksanaan, pengurusan dan pemantauan semua program/inisiatif yang dirancang di bawah pelan ini.

Seperti mana dasar di peringkat persekutuan dan negeri, sektor swasta perlu terus menjadi pemacu dan pemimpin, manakala pihak kerajaan perlu menjadi pemudahcara yang lebih dinamik dan tangkas (agile). Hanya dengan perubahan mindset dan amalan, serta budaya pembangunan yang sebegini barulah ekosistem ekonomi digital yang kukuh dapat diwujudkan dan setiap lapisan masyarakat dapat bergerak seiring untuk memastikan visi bersama ini direalisasikan.

Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 adalah lebih daripada sekadar dokumen perancangan; ia adalah seruan untuk bertindak dan berubah. Dengan tumpuan kepada empat (4) teras strategik, lapan (8) strategi dan 21 program yang telah dirangka, pelan ini memberikan hala tuju yang jelas untuk mencapai visi pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab, dan mampan melalui ekonomi digital menjelang tahun 2030.



SENARAI SINGKATAN

AKRONIM	NAMA PENUH
AI	Kecerdasan Buatan
AT	Teknologi Bantuan
BAU	Business as Usual
BKT	Bahagian Kerajaan Tempatan
BNM	Bank Negara Malaysia
BPM	Bahagian Pengurusan Maklumat
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
CIPM	Pengurusan Permit Infrastruktur Komunikasi
COE	Pusat Kecemerlangan
DUN	Dewan Undangan Negeri
G2C	Kerajaan Kepada Rakyat
GBS	Perkhidmatan Perniagaan Global
HiM	Hub Inovasi & Multimedia
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IDI	Temu Bual Mendalam
IDR	Institut Darul Ridzuan
IoT	Internet Benda
IPT	Institut Pengajian Tinggi

SENARAI SINGKATAN

IR 4.0	Revolusi Perindustrian Keempat
ISP	Pembekal Perkhidmatan Internet
IT	Teknologi Maklumat
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JENDELA	Pelan Jalinan Digital Negara
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JJPWD	Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KUDR	Koridor Utiliti Darul Ridzuan
LEO	Low Earth Orbit
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MB Inc.	Menteri Besar Incorporated
MBI	Majlis Bandaraya Ipoh
MDEC	Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia

SENARAI SINGKATAN

MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MyGDX	Hab Perkongsian Data Kerajaan Malaysia
NASCA	National Cyber Security Agency
NADI	Pusat Sebaran Maklumat Nasional
NCER	Wilayah Ekonomi Koridor Utara
NCIA	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara
NFP	Pemilik Kemudahan Rangkaian
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OKU	Orang Kurang Upaya
OSA	Agensi Perkhidmatan Setempat
OTEP	OKU Talent Enhancement Programme
PASAK	Pusat Aspirasi Anak Perak
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PCE	Perak Centre of Excellence
PETA	Pemetaan Kerjaya
PID	Pusat Internet Desa
PKNPk	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

SENARAI SINGKATAN

PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
PoP	Point of Presence
PORT	People of Remarkable Talents
PPANPk	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak
PPP	Kerjasama Awam-Swasta
PSP	Pelan Strategik Pendigitalan
PTIMS	Perak Telecommunication Infrastructure System
PTTC	Perak Techno Trade Centre
RM	Ringgit Malaysia
RPEL	Recognition of Prior Experiential Learning
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
SSO	Single Sign-On
STARS	Smart Traffic Management with Analytics
STeP	Sekretariat Usahawan Negeri Perak
STTF	Dana Transformasi Teknologi PKS

SENARAI SINGKATAN

SUK	Setiausaha Kerajaan
SVTP	Silver Valley Technology Park
TEKUN	TEKUN Nasional
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
VIC	Village Information Centre
XR	Extended Reality
VR	Realiti Maya
WFH	Bekerja dari rumah



Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-2095000
Faks: 05-2555026